ڤتيقن تيته
PETIKAN TITAH

"PERGURUAN adalah perguruan, ia tidak sama dengan pengajian yang bukan perguruan. Perguruan sasarannya ialah pendidikan dan pendidikan pula bermaksud pembentukan : pembentukan peribadi, pemikiran dan jasmani. Ia juga boleh diktibarkan sebagai acuan, jika bagus acuan, maka bagus pulalah yang kita dapat."
- Titah Sempena Majlis Konvokesyen Pertama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan pada 20 Zulkaedah 1432 Hijriah 19 Oktober 2011 Masihi.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Pelita BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڽ ايمان
MANISNYA IMAN

"DAN apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan ia serta diamlah dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya supaya kamu beroleh rahmat."
- (Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al 'Araaf ayat 204).

Waktu Sembahyang

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.43 | 4.53 | 6.12 | 6.35 | 12.21 | 3.32 | 6.27 | 7.37 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 47 | 19 APRIL 2017 / 1438 رجب 22 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA


# Sukan platform pengukuhan integrasi nasional



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa mempengerusikan Sesi Permuzakarahan Bersama Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan bertempat di Dewan Digadong Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Ampuan Mahmud Ampuan Haji Tengah**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 18 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hari ini mengadakan muzakarah bersama dengan 50 persatuan sukan kebangsaan di Dewan Digadong, Bangunan KKBS.

Muzakarah yang dipengerusikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof adalah sebagai satu inisiatif KKBS mendekati persatuan-persatuan berkenaan dan mengorak langkah dalam pembangunan sukan ke arah mencapai Wawasan Negara 2035.

Selain itu, muzakarah tersebut juga untuk memberikan ruang dan peluang kepada para persatuan bagi meluaskan jaringan rangka kerja dan platform untuk bertukar-tukar maklumat dan pandangan mengenai sukan.

Yang Berhormat Pehin dalam ucapannya berkata, aktiviti sukan sudah dilihat sebati dalam kalangan rakyat di negara ini.

Jelas Yang Berhormat, sukan digunakan oleh kerajaan sebagai satu mekanisme untuk memupuk semangat kekitaan dan mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan rakyat.

**Ke muka 3**



**Muka 4**

MAJLIS peletakan batu asas pembinaan rumah Badan Tanmiah Harta MUIB



**Muka 5**

KESEDARAN ancaman penggunaan telefon bimbit

## Gagal memfailkan penyata cukai boleh diambil tindakan

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 17 April. - Setiap syarikat dikehendaki memfailkan penyata cukai pendapatan setiap tahun taksiran sehingga 30 Jun sepertimana menurut bab 52(1), Akta Cukai Pendapatan, Bab 35.

Kegagalan untuk memfailkan penyata cukai sehingga tempoh yang ditetapkan merupakan satu kesalahan dan tindakan undang-undang boleh diambil mengikut Bab 78, Akta Cukai Pendapatan.

Dalam usaha untuk menggalakkan pematuhan cukai terutamanya dalam memfailkan penyata cukai pendapatan korporat pada masa yang ditetapkan, Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan telah mengambil inisiatif mengadakan Bengkel Cukai Pendapatan Korporat hari ini.

Taklimat bengkel disampaikan oleh Pegawai Kewangan Kanan, Dayangku Masleda binti Pengiran Daud kepada beberapa buah syarikat berdaftar yang dibahagikan kepada dua sesi, iaitu sesi pagi dan petang berlangsung di Bilik Latihan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan, Jalan Menteri Besar, di sini.

Salah satu fungsi Bahagian Hasil di Kementerian Kewangan adalah untuk mentadbir cukai pendapatan korporat bagi syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat, Penggal 39.

Matlamat utama bengkel adalah untuk menyediakan garis panduan bagi syarikat baru-baru berdaftar mengenai tanggungjawab dan kewajipan cukai mereka dan membantu mereka untuk mengenal ciri-ciri dan fungsi 'System for Tax Administration and Revenue Services' (STARS), satu sistem cukai secara *online* yang diperkenalkan sejak 2012 yang boleh diakses 24/7 melalui *https://www.stars.gov.bn*.

**Ke muka 20**


IKUTI KAMI DI
infodept.bn @Infodept_bn Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri

## Pusat Kesihatan Pengkalan Batu

# Dapat pengiktirafan JCI

**Bismillahir Rahmannir Rahim**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**ALHAMDULILLAH**, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua, kita dapat hadir bersama-sama pada petang ini bagi satu Majlis yang penuh bermakna bagi Pusat Kesihatan Pengkalan Batu, Kementerian Kesihatan dan penduduk di bawah tadahan Mukim Pengkalan Batu.

Tanggal 25 Februari 2017 adalah satu detik bersejarah bagi Pusat Kesihatan Pengkalan Batu apabila ianya telah mendapat pengiktirafan akreditasi oleh Joint Commission International (JCI). Ini menjadikan Pusat Kesihatan Pengkalan Batu sebagai pusat kesihatan kerajaan yang pertama di negara ini mendapat pengiktirafan JCI.

Akreditasi JCI adalah Gold Standard bagi fasiliti-fasiliti kesihatan yang mengutamakan pemberian penjagaan dan keselamatan pesakit di tahap yang tertinggi. Proses penilaian Akreditasi JCI adalah khusus untuk memupuk budaya keselamatan dan kualiti di pusat-pusat penjagaan asasi serta memberikan jaminan bahawa piawaian, proses-proses serta latihan yang digunakan adalah di tahap penanda aras (*benchmark*) yang tertinggi di peringkat antarabangsa.

Perjalanan ke arah mencapai akreditasi JCI ini bukanlah mudah kerana saya difahamkan terdapat 112 piawaian (standard) dan 456 elemen yang perlu dipatuhi. Piawaian ini bukan sahaja melihat kepada penambahbaikan proses tetapi juga melihat kepada hasil klinikal pesakit, keselamatan pesakit, kakitangan dan kemudahan serta latihan, pendidikan dan penilaian kompetensi pekerja (*competency assessments of staff*) untuk memastikan bahawa mereka mempunyai kemahiran yang diperlukan dan pengetahuan untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan selamat.

Aspek-aspek ini telah pun dinilai oleh pihak JCI dan pusat kesihatan ini telah berjaya menepati keperluan yang diperlukan. Semua ini adalah selaras dengan keutamaan Kementerian Kesihatan untuk memberikan sistem penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi, selamat (*safe*), tepat pada masanya (*timely*), komprehensif, efektif, responsif, mampu dibiayai, saksama dan mudah diperolehi oleh semua di negara ini.

Di kesempatan ini, saya bagi pihak seluruh warga Kementerian Kesihatan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerana dengan berkat kepimpinan, limpah kurnia dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia jua, Alhamdulillah, rakyat dan penduduk di negara ini terus dapat menikmati perkhidmatan kesihatan yang terbaik.



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi semasa berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Akreditasi Joint Commission International (JCI) bagi Pusat Kesihatan Pengkalan Batu pada hari Sabtu, 1 April 2017 Masihi bersamaan 4 Rejab 1437 Hijrah, bertempat di Pusat Kesihatan Pengkalan Batu.**

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pegawai dan kakitangan di Pusat Kesihatan Pengkalan Batu yang telah bekerja keras tanpa mengenal erti penat lelah dalam mendapatkan akreditasi ini. Semua warga di Pusat Kesihatan Pengkalan Batu ini telah membuktikan keupayaan bekerja sebagai satu pasukan yang amat cemerlang. Adalah amat jelas betapa abiskita mempunyai peranan masing-masing tidak mengira sama ada abiskita bekerja di klinik pergigian, klinik kesihatan ibu-ibu dan kanak-kanak, penjagaan kesihatan asasi, farmasi, *maintenance*, kaunter penyambut tetamu / rekod perubatan atau sebagai pembersih di Pusat Kesihatan ini. Apa yang lebih penting adalah keazaman abiskita untuk mewujudkan pembudayaan keselamatan pesakit (*culture of patient safety*) dan meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan secara terus menerus.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Bahagian Kualiti dan Akreditasi dan Perkhidmatan Kesihatan Komuniti yang menyelaras proses akreditasi ini. Setinggi-tinggi terima kasih jua diucapkan kepada semua Ketua-ketua Fungsi, Penguasa-Penguasa Perubatan dan Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan di Kementerian Kesihatan yang secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam menjadikan pencapaian akreditasi ini satu kenyataan.

Adalah terbukti apabila kita mengamalkan nilai-nilai teras warga Kementerian Kesihatan, iaitu Pelanggan Diutamakan, Bersepadu, Cemerlang dan Dinamik dan bergerak sebagai satu kementerian, (ONE MoH), kita boleh mencapai apa jua tujuan yang dihasratkan dan menangani apa jua cabaran dengan sebaiknya.

Apa yang lebih menarik dan membanggakan ialah penglibatan aktif dan penyertaan masyarakat Mukim Pengkalan Batu dan pihak berkepentingan yang lain dalam proses akreditasi ini terutama dari segi aspek mempromosikan kesihatan. Pengiktirafan akreditasi JCI ini tidak akan tercapai tanpa adanya sokongan padu daripada abiskita semua yang melibatkan pemimpin akar umbi penghulu dan ketua kampung, sekolah, jabatan kerajaan dan agensi bukan kerajaan. Ini semua adalah bertepatan dengan hasrat untuk memastikan bahawa Kesihatan adalah Tanggungjawab Bersama (Health is Everyone's Business).

Dengan adanya akreditasi ini, adalah diharapkan Pusat Kesihatan Pengkalan Batu akan menjadi *benchmark* atau penanda aras bagi pusat-pusat kesihatan dan hospital kerajaan lain di negara ini untuk mencapai piawaian antarabangsa dalam memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi lagi selamat. Alhamdulillah, beberapa pusat-pusat kesihatan dan hospital-hospital di negara ini telah dikenal pasti dan telah memulakan proses akreditasi JCI untuk penilaian, InsyaaAllah.

Kepada warga Pusat Kesihatan Pengkalan Batu, pencapaian akreditasi ini adalah titik permulaan dan ianya tidak berhenti sekadar di sini. Apa yang lebih utama sekarang ialah untuk mengekalkan akreditasi tersebut dengan memastikan pematuhan piawaian (standard compliance) sepanjang 3 tahun kitaran akreditasi. Teruskan perjalanan ini dengan membuat penambahbaikan berterusan dan berkongsi pengetahuan, pengalaman, dokumen serta data yang ada dengan rakan-rakan di pusat-pusat kesihatan dan hospital-hospital lain di negara ini.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada warga Pusat Kesihatan Pengkalan Batu dan semua penduduk Pengkalan Batu serta semua pihak yang terlibat dalam pencapaian akreditasi ini. Saya dengan tulus ikhlas berdoa agar semua usaha luhur dan murni abiskita dalam memperkukuhkan dan memantapkan lagi keselamatan dan kualiti penjagaan kesihatan di negara ini akan mendapat ganjaran dan balasan baik dari Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin Ya Rabbal Alamin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## Dari Sidang Pengarang.

19 APRIL 2017 BERSAMAAN 1438 رجب 22

### SEMBAHYANG TIANG AGAMA

**SEMBAHYANG** merupakan rukun Islam kedua yang wajib ditunaikan setelah mengucap dua kalimah syahadah dan mempunyai kedudukan yang amat tinggi di sisi agama Islam kerana ia merupakan tiang agama. Jika seseorang tidak melaksanakan rukun ini umpama ia merobohkan agamanya, justeru, ia merupakan satu yang wajib ditegakkan.

Dalam kehidupan yang serba moden ini, manusia seringkali alpa dan ada yang memberi pelbagai alasan kenapa ibadah sembahyang ditinggalkan. Namun, ingatlah bahawa sembahyang diwajibkan kepada seluruh umat Islam yang telah baligh, berakal dan suci daripada sebarang hadas. Jika kita mempunyai masa untuk melayari media-media sosial, kenapa kita tidak mempunyai masa untuk melaksanakan ibadah yang diwajibkan ini?

Sembahyang, walaupun tidak diwajibkan kepada kanak-kanak yang belum baligh, mereka perlu mendapatkan pendidikan dan latihan awal. Dan ini hendaklah bermula dari rumah, kerana pendidikan asas bermula dari sana. Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa atau penjaga untuk menjadi role model yang baik bagi mendidik anak-anak untuk mengerjakan sembahyang pada waktu umur tujuh tahun agar tiada kesukaran untuk mendidik mereka apabila dewasa kelak. Lahirkanlah satu suasana yang kondusif dalam keluarga dengan menanamkan kefahaman mengenai kepentingan dan kewajiban melaksanakan sembahyang kepada anak-anak.

Berkata mengenai sembahyang, perkara ini juga menerima perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien semasa baginda bertitah pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1428 hijrah / 2017 Masihi pada 9 Mac 2017 yang lalu di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas yang antara lain baginda bertitah, "Dalam masa yang sama, beta juga mahu, supaya pelajaran ugama yang ada setakat kini, hendaklah terus diperhatikan. Maksud beta, supaya mata-mata pelajaran di sekolah-sekolah ugama dan sekolah-sekolah umum mestilah sentiasa dinilai keberkesanannya.

Mengapa ini perlu? Kerana berdasarkan hasil kajian ke atas mutu bacaan Al-Quran dan kesempurnaan ibadat sembahyang di kalangan murid-murid dan pelajar-pelajar di semua peringkat persekolahan dan pengajian adalah amat membimbangkan. Kajian telah dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan, setelah beta sendiri memintanya untuk dibuat, pada tahun lepas.

Di antara hasil kajian itu menunjukkan, bahawa kira-kira 81 peratus murid dan pelajar adalah tidak melakukan sembahyang secara konsisten. Manakala 4 peratus pula tidak pernah mengerjakan sembahyang langsung".

Seperti yang dititahkan oleh baginda, kesempurnaan ibadat sembahyang di kalangan murid-murid dan pelajar-pelajar di semua peringkat persekolahan dan pengajian adalah amat membimbangkan.

Maka adalah menjadi kewajipan kepada ibu bapa atau penjaga memberi peringatan, tunjuk ajar dan pukulan yang tidak menyakitkan terhadap anak-anak mereka yang telah mencapai umur sepuluh tahun jika mereka masih enggan atau tidak mahu mengerjakan sembahyang. Sesungguhnya kewajipan mengerjakan sembahyang juga masih dituntut terhadap orang yang sakit atau orang yang kurang upaya yang mana cuma cara mengerjakan sembahyangnya adalah berbeza mengikut keupayaan pesakit itu sendiri.

Mengerjakan sembahyang mempunyai ganjaran yang amat besar. Di samping ia membantu menyelamatkan manusia daripada azab akhirat, sembahyang juga boleh memberikan ketenteraman, ketenangan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Ia juga boleh mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar. – **Ketua Penyuntingan (Ss)**




## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi APRIL | HARI | Hijrah REJAB | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 19 | RABU | 22 | 4.43 | 4.53 | 6.12 | 6.35 | 12.21 | 3.32 | 6.27 | 7.37 |
| 20 | KHAMIS | 23 | 4.43 | 4.53 | 6.12 | 6.34 | 12.20 | 3.32 | 6.27 | 7.37 |
| 21 | JUMAAT | 24 | 4.42 | 4.52 | 6.11 | 6.34 | 12.20 | 3.32 | 6.27 | 7.37 |
| 22 | SABTU | 25 | 4.42 | 4.52 | 6.11 | 6.34 | 12.20 | 3.33 | 6.26 | 7.37 |
| 23 | AHAD | 26 | 4.42 | 4.52 | 6.11 | 6.34 | 12.20 | 3.33 | 6.26 | 7.37 |
| 24 | ISNIN | 27 | 4.41 | 4.51 | 6.11 | 6.33 | 12.20 | 3.33 | 6.26 | 7.37 |
| 25 | SELASA | 28 | 4.41 | 4.51 | 6.10 | 6.33 | 12.19 | 3.34 | 6.26 | 7.37 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN**
AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# Sukan platform pengukuhan integrasi nasional



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof bergambar ramai bersama Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan sejurus selepas Majlis Permuzakarahan Yang Berhormat Menteri KKBS bersama Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan di kementerian tersebut.

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Ampuan Mahmud Ampuan Haji Tengah**

**Dari muka 1**

Menurut Yang Berhormat, kerajaan melihat sukan sebagai satu bidang yang dapat memberi pelbagai sumbangan terutama kepada peningkatan tahap kesihatan dan kecergasan, di samping pemupukan semangat patriotik, pembentukan masyarakat berdisiplin dan berdaya saing.

Sehubungan itu, Yang Berhormat menyeru semua pihak sama ada kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan rakyat terutamanya untuk menjalin kerjasama bagi tujuan tersebut.

Dalam pada itu, Yang Berhormat berkata bahawa Negara Brunei Darussalam adalah antara negara yang telah terbukti berjaya menggunakan sukan sebagai platform atau landasan kepada pengukuhan integrasi nasional.

"Matlamat kita adalah untuk menjadikan sukan sebagai salah satu amalan hidup yang aktif, cergas, sihat dan bersaing dalam kalangan rakyat," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, budaya sukan ini merangkumi penyertaan dalam aktiviti sukan dan kegiatan fizikal melalui sukan untuk semua iaitu yang melibatkan semua kegiatan fizikal termasuk aktiviti sukan, permainan tradisional, rekreasi fizikal dan kecergasan yang berlaku secara spontan atau terurus.

Jelas Yang Berhormat, ia bertujuan untuk menggalakkan penyertaan yang lebih luas dalam kalangan masyarakat umum dan sukan prestasi tinggi iaitu sukan pertandingan yang diuruskan mengikut peraturan dan syarat-syarat persekutuan sukan antarabangsa.

Turut hadir, Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abd. Samad serta pegawai-pegawai kanan KKBS.

# AMBD teruskan Jerayawara 'Generasi Celik Kewangan'

**Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain**

**TEMBURONG**, Selasa, 18 April. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Radio Televisyen Brunei (RTB) dan Tabung Amanah Pekerja (TAP), Jabatan Daerah Temburong serta agensi-agensi berkaitan termasuk institusi kewangan telah mengadakan Jerayawara Hari Menabung Kebangsaan 2017 yang berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, di sini.

Dengan tema 'Generasi Celik Kewangan', jerayawara yang merupakan kelima seumpamanya diadakan ini antara lain bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menabung, berdikari dari segi kewangan atau *financially independent* dan meningkatkan kesedaran mengenai cara-cara menangani isu-isu kewangan terutama di dalam kalangan para pelajar.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu. Turut hadir ialah Pegawai-Pegawai Kanan AMBD, Kementerian Pendidikan, KHEU dan Jabatan Daerah Temburong.

Jerayawara turut dihadiri kira-kira 100 orang pelajar dari Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar (SMSH) dan Sekolah Arab Temburong yang menyertai beberapa aktiviti interaktif kewangan bertemakan pengurusan kewangan dan pengenalan mata wang anjuran AMBD, TAP, BIBD dan Insurans Islam TAIB.

Pengetua SMSH, Awang Abdul Wafi Sia bin Abdullah Sia semasa ditemui penuh berharap setelah para pelajar meninggalkan alam persekolahan dan telah mempunyai pekerjaan atau sumber pendapatan, para pelajar akan mempunyai kesedaran untuk menabung demi masa depan mereka.

"Jika dilihat dari segi kehidupan para pelajar pada masa ini boleh dikatakan mereka hidup senang jika dibandingkan dengan kehidupan ibu-bapa mereka serta generasi terdahulu, apatah lagi hidup mereka hari ini di kelilingi dengan kecanggihan teknologi, jadi mereka belum pernah mengenal erti susah payah dalam mencari wang yang dihadapi oleh ibu-bapa mereka bagi menampung kehidupan seharian. Jadi saya amat berharap dengan adanya jerayawara ini insyaa Allah akan dapat membuka mata para pelajar untuk sedar betapa berharganya mereka menabung untuk masa depan mereka jua," ujarnya.

Sementara itu bagi Dayang Aina Zahirah Batrisya binti Agus Zamri, Pelajar Tahun 8 Al-Fusaha, Sekolah Arab Temburong berpendapat amalan menabung sememangnya sangat penting dalam kehidupan dan perlu diterapkan oleh para ibu bapa kepada anak-anak sejak mereka kecil lagi.

Penganjuran jerayawara ini juga adalah selaras dengan usaha AMBD untuk membangunkan kesedaran dan celik kewangan serta Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035 ke arah mencapai ekonomi yang dinamik dan mampan serta rakyat dan penduduk yang berkemahiran tinggi.

Acara-acara seterusnya yang akan diadakan bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2017 adalah Financial Fun Fair di Jerudong Park Colonnade pada hari Ahad, 30 April 2017, dari jam 2 petang hingga 10 malam. Acara ini akan menampilkan pelbagai program keluarga dan aktiviti interaktif yang bertemakan pengurusan kewangan secara berhemat dan Financial Showcase pada hari Sabtu, 20 Mei 2017 bermula pada jam 2.00 petang hingga 8.00 malam bertempat di Airport Mall.



PARA pelajar dari Daerah Temburong ketika menyaksikan pameran sempena Jerayawara 'Generasi Celik Kewangan' yang dianjurkan oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD).

# Pertukaran, pelantikan Pegawai Kanan Kerajaan

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 19 April. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini Jabatan Perdana Menteri (JPM) memaklumkan bahawa Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pertukaran dan pelantikan beberapa orang Pegawai Kanan Kerajaan.

Setiausaha Tetap (Pengurusan dan Antarabangsa) di Kementerian Kewangan, Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad ditukar ke JPM sebagai Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam), JPM.

Jurukira Agung di Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Dayang Norliah binti Kula dilantik menjadi Setiausaha Tetap (Prestasi) di Kementerian Kewangan.

Timbalan Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Kewangan) di JPM, Dr. Dayang Hajah May Faezah binti Haji Ahmad Ariffin ditukar ke Kementerian Kewangan menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (Prestasi dan Compliance) di Kementerian Kewangan.

Sementara Timbalan Setiausaha Tetap (Prestasi dan Compliance) di Kementerian Kewangan, Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Mohammad ditukar ke JPM sebagai Timbalan Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Kewangan) di JPM.

Manakala Pegawai Pentadbir Kanan di Bahagian Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam, di JPM, Awang Abdul Wahid bin Haji Matassan dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran) di JPM.

Tarikh pertukaran dan pelantikan pegawai-pegawai berkenaan berkuatkuasa mulai hari ini 22 Rejab 1438 Hijrah bersamaan 19 April 2017 Masihi.

# Majlis peletakan batu asas pembinaan rumah Badan Tanmiah Harta MUIB



**Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Ugama Islam Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 17 April. - Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam mengungkayahkan satu projek pembinaan satu unit rumah tiga tingkat di atas tanah milik Baitulmal di Kampung Pengkalan Gadong di sini.

Sehubungan itu, majlis peletakan batu asas disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam.

Juga turut hadir ialah Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam, Pegawai-Pegawai Kanan dari Jabatan Majlis Ugama Islam, Pengarah, pegawai-pegawai serta kakitangan Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam dan Stesen Minyak dan Perniagaan Badan Tanmiah.

Projek yang dijangka siap dalam masa 12 bulan itu merupakan salah satu daripada pelan strategik pelaburan Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam, yang juga bertepatan dengan misi Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam dalam menjana pendapatan yang tetap yang menjurus kepada pembangunan sosioekonomi umat Islam di Negara Brunei Darussalam.



**TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam hadir semasa Majlis Peletakan Batu Asas Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam di Kampung Pengakalan Gadong (atas).**

**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyaksikan rajah bangunan yang dipamerkan (kiri).**



**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mencedok bancuhan simen sebagai tanda peletakkan batu asas pembinaan rumah Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam (kanan).**

# Isu Pegawasan Kejiranan Daerah Tutong dibincangkan



**PEGAWAI Menguasa Balai Polis Tutong, Ketua Inspektor, Awang Shamsul Nahar bin Haji Idris semasa mempengerusikan Perjumpaan Suku Tahun Pertama Pengawasan Kejiranan Tahun 2017 Peringkat Daerah Polis bersama Pegawai Penguasa Balai Polis Tutong dan Balai Polis Lamunin dengan Ketua-Ketua Kampung Daerah Tutong.**

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**TUTONG,** Selasa, 18 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) bersama masyarakat serta penduduk kampung di negara ini telah menjalankan beberapa aktiviti Pengawasan Kejiranan melalui balai-balai polis di bawah jagaannya demi menjaga keamanan dan keselamatan.

Justeru itu, satu Perjumpaan Suku Tahun Pertama Pengawasan Kejiranan Tahun 2017 Peringkat Daerah Polis bersama Pegawai Penguasa Balai Polis Tutong dan Balai Polis Lamunin dengan Ketua-Ketua Kampung Daerah Tutong diadakan di sini.

Hadir bagi mempengerusikan perjumpaan tersebut yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Datu Panglima, Pejabat Jabatan Daerah Tutong, di sini ialah Pegawai Menguasa Balai Polis Tutong, Ketua Inspektor, Awang Shamsul Nahar bin Haji Idris. Turut hadir, ketua-ketua kampung di daerah ini.

Di antara agenda yang dibincangkan ialah penerangan statistik-statistik Kes Jenayah Tubuh Badan Bagi Mukim, Suku Tahun Pertama 2017 Balai Polis Tutong; Kes Jenayah Benda Bagi Mukim, Suku Tahun Pertama 2017 Balai Polis Tutong dan Balai Polis Lamunin.

## Bakal jemaah haji dikehendaki hadiri kursus

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 April. - Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama sukacita memaklumkan kepada bakal-bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam yang terpilih menunaikan Ibadat Haji bagi tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi bahawa kursus ibadat haji telah mula diadakan hari Ahad, 19 Rejab 1438H bersamaan 16 April 2017 hingga 24 Sya'ban 1438 bersamaan 21 Mei 2017 iaitu setiap hari Ahad dan Jumaat bermula jam 8.00 hingga 10.00 pagi.

Pusat-pusat Kursus Ibadah Haji ialah, di Sekolah Ugama Lambak Kanan, Kampung Lambak Kanan; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Berakas; Sekolah Ugama Sungai Besar, Kampung Sungai Besar; Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Kuala Belait; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Pekan Seria; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, Daerah Tutong dan Sekolah Persediaan Arab Temburong, Daerah Temburong.

Tarikh-tarikh Kursus Ibadah Haji tersebut ialah pada 16, 21, 28 dan 30 April 2017 serta 5, 7, 12 dan 14 Mei 2017.

Sehubungan itu, semua bakal-bakal jemaah haji yang terpilih untuk menunaikan ibadah haji bagi tahun 1438H / 2017M adalah dikehendaki hadir untuk mengikuti kursus-kursus ibadat haji yang telah diaturkan di pusat-pusat kursus yang telah dipilih.

# Kesedaran ancaman penggunaan telefon bimbit

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

**AKADEMI PERTAHANAN,** Isnin 17 April. - Cawangan Sekuriti Pertahanan telah mengadakan satu taklimat untuk meningkatkan kesedaran sekuriti dalam penggunaan telefon bimbit dan teknologi maklumat bagi warga di Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Hadir selaku tetamu kehormat pada taklimat tersebut ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Kapten (B) Abd. Rahman bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, TLDB, Pemerintah-pemerintah Tentera, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah-pengarah, Ketua-ketua Unit dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Brigadier Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud dalam ucapan alu-aluannya menekankan betapa pentingnya teknologi maklumat serta aplikasi mudah alih sebagai pemudahcara dalam pekerjaan seharian tetapi seterusnya mengingatkan semua yang hadir bahawa rangkaian perhubungan melaluinya juga mendedahkan pengguna kepada ancaman jika digunakan dengan cuai.

Selain daripada taklimat kesedaran tersebut, satu pameran mengenai ancaman sekuriti telefon bimbit dan teknologi maklumat juga diperlihatkan. Taklimat ini akan dikendalikan selama dua hari bagi pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai tentera dan awam daripada Kementerian Pertahanan dan ABDB.



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah ketika menyaksikan pameran mengenai ancaman sekuriti telefon bimbit dan teknologi maklumat Kementerian Pertahanan.



TAKLIMAT untuk meningkatkan kesedaran sekuriti dalam penggunaan telefon bimbit dan teknologi maklumat bagi warga di Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (kanan).

# Menangani cabaran kesihatan, kerjasama padu ASEAN perlu



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan Dr. Hajah Maslina binti Haji Mohsin selaku Pengerusi Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Mengenai Pembangunan Kesihatan dan Mesyuarat Yang Berkaitan Kali Ke-12, ketika menyampaikan ucapan alu-aluan di majlis tersebut.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 18 April. - Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan mengenai Pembangunan Kesihatan (Senior Officials Meeting on Health Development - SOMHD) Kali Ke-12 dan Mesyuarat Berkaitan menggariskan empat agenda utama perbincangan sepanjang tiga hari mesyuarat berlangsung dari 18 hingga 20 April 2017.

Mesyuarat SOMHD telah dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Maslina binti Haji Mohsin yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah Kementerian Kesihatan, di sini.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dr. Hajah Maslina mengongsikan ekspektasi dari Mesyuarat SOMHD Kali Ke-12 serta progres dan pencapaian yang telah dicapai oleh sektor kesihatan di ASEAN semenjak Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah kepada SOMHD pada tahun lepas.

Beliau seterusnya menekankan perlunya penglibatan dan kerjasama padu yang berterusan dari setiap negara-negara ASEAN ke arah menangani cabaran kesihatan yang biasa dihadapi di rantau ini serta memastikan hasil daripada Mesyuarat SOMHD ini sejajar dengan Agenda Pembangunan Kesihatan ASEAN selepas tahun 2015 dan matlamat pembangunan mapan.

Lebih 118 orang delegasi terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan dari negara-negara ASEAN, China, Jepun dan Republik Korea hadir pada Mesyuarat SOMHD kali ini.

Penguasa Perubatan Kesihatan Awam, Dr. Justin Wong semasa ditemu bual menjelaskan antara isu utama yang berkaitan di negara ini adalah seperti diabetes dan obesiti dan melalui mesyuarat ini pihak kementerian dapat meraih amalan terbaik yang diguna pakai di negara-negara luar serta mengongsikan maklumat-maklumat berkaitan.

Mesyuarat SOMHD diadakan setiap tahun bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan misi yang digariskan dalam setiap mesyuarat SOMHD sebelumnya dan melaksanakan aktiviti, komitmen dan kenyataan bersama untuk dikemukakan kepada Mesyuarat Menteri Kesihatan ASEAN (AHMM) yang diadakan setiap dua tahun sekali.



PEGAWAI-PEGAWAI Kanan Kementerian Kesihatan dan dari negara ASEAN, China, Jepun dan Republik Korea hadir pada Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan mengenai Pembangunan Kesihatan (Senior Officials Meeting on Health Development - SOMHD) Kali Ke-12 dan Mesyuarat Berkaitan.



PENGUASA Perubatan Kesihatan Awam, Dr. Justin Wong menjelaskan bahawa mesyuarat kali ini adalah untuk merealisasikan hasil Pembangunan Kesihatan 2015.

# *Ratapan Anak Tiri* bawa tuah buat Nur Syazyana Nadhirah Sahari




PEGAWAI Pemerintah Batalion Kedua, Tentera Darat Diraja Brunei, Leftenan Kolonel Muhammad Wata bin Abdullah Awat hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai bersama para pemenang dan peserta-peserta Peraduan Mari Bercerita Peringkat Daerah 2017 bagi Daerah Tutong. Sementara gambar bawah, persembahan tarian dari murid-murid sekolah menyerikan lagi peraduan tersebut.



**Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**TUTONG,** Selasa, 18 April. - Dengan menampilkan kisah *Ratapan Anak Tiri* telah menobatkan Dayang Nur Syazyana Nadhirah binti Sahari sebagai juara Peraduan Mari Bercerita Peringkat Daerah 2017 bagi Daerah Tutong.

Naib juara disandang oleh Dayang Aisha Itqah Nuha binti Md. Zun dengan cerita *Ibu Yang Memasak Batu*, sementara cerita bertajuk *Si Monyet Penipu* yang disampaikan oleh Dayang Elysa binti Eyus menduduki tempat ketiga pada peraduan yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Tutong Kem, di sini.

Manakala Sekolah Rendah Tutong Kem telah mengungguli peraduan tersebut setelah berjaya merangkul gelaran juara, naib juara dan tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan hadiah dan saguhati kepada para peserta ialah Pegawai Pemerintah Batalion Kedua, Tentera Darat Diraja Brunei, Leftenan Kolonel Muhammad Wata bin Abdullah Awat.

Turut hadir ialah Pemangku Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Sariani binti Haji Isyak; guru-guru sekolah serta ibu bapa peserta yang mengikuti pertandingan tersebut.

Peraduan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka itu antara lain bertujuan untuk memupuk semangat membaca sekali gus memasyarakatkan budaya membaca dalam kalangan kanak-kanak, selain dijadikan sebagai latihan kepada kanak-kanak supaya berani bercakap di hadapan khalayak ramai.

# Hormati lambang perpaduan negara

**Oleh : Haji Ariffin bin Mohamad Noor / Morshidi, Muhammad Huzmi Lawi**
**Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 18 April. - Dalam usaha berterusan untuk menyemai semangat patriotisme dalam kalangan para penuntut supaya menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara, Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Taklimat Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bertempat di Dewan Teater Ong Tiong Oh, Sekolah Menengah Chung Hwa (SMCH), di sini.

Taklimat yang menyentuh mengenai reka bentuk awal bendera negara sehingga seperti yang terdapat pada hari ini diikuti dengan tatacara menaikkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Rainie bin Haji Durani.

Dalam taklimatnya beliau menasihatkan warga sekolah khususnya para penuntut untuk sentiasa menghormati akan lambang perpaduan negara tersebut dan sama-sama mengibarkan bendera negara dengan semangat patriotisme pada waktu-waktu tertentu semasa negara meraikan acara-acara kenegaraan seperti Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan hari-hari yang diisytiharkan dari semasa ke semasa melalui radio dan televisyen serta akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei.

Taklimat Kenegaraan turut diisikan dengan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera'. Seramai 173 pelajar Tahun 7 sekolah berkenaan menghadiri taklimat yang diakhiri dengan sesi Kuiz Kenegaraan.

Pada akhir taklimat Penolong Pengetua (Bahagian Menengah) SMCH, Tan Been Tiem menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada peserta kuiz.

Turut hadir pada sesi taklimat ini ialah pegawai-pegawai dan guru-guru sekolah berkenaan.

SMCH ketika ini mempunyai seramai 2,400 orang penuntut dan seramai 160 orang tenaga pengajar yang meliputi pembelajaran tadika hingga ke Tahun 11.



PENOLONG Pengetua (Bahagian Menengah) Sekolah Menengah Chung Hwa, Tan Been Tiem menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada peserta Kuiz Kenegaraan.

# Pemenang Minda Pembaca!

## Amalkan budaya menabung dan berjimat cermat

**MENABUNG** merupakan satu perbuatan yang perlu diamalkan oleh semua orang. Sebaiknya kita perlu mengamalkan sikap menabung dengan segera dan lebih elok amalan tersebut diajar dan dilatih sedari kecil lagi. Selain menabung, amalan berjimat cermat juga penting dalam kehidupan kita. Berjimat cermat dapat mengelakkan kita dari melakukan pembaziran dan mengawal kemahuan kita. Terdapat pelbagai cara menabung dan berjimat cermat yang boleh menjadi amalan.

Kita boleh menabung dengan menyimpan wang ke dalam tabung yang mempunyai pelbagai reka bentuk yang menarik, sama ada secara harian atau bulanan. Selain itu, kita juga boleh menyimpan wang tersebut ke dalam bank sebagai pelaburan masa depan. Dengan cara ini, mengelakkan kita gatal tangan untuk mengeluarkan hasil simpanan untuk sesuatu yang tidak perlu. Kita perlu mengingatkan diri kita, "kenapa aku menabung?" Antara sebab menabung ialah kita dapat menggunakan wang simpanan tersebut untuk hal-hal kecemasan. Di samping itu juga, wang simpanan boleh digunakan untuk kepentingan masa hadapan seperti pendidikan dan perniagaan dan menabung wang dijadikan sebagai 'habit', selain melatih diri untuk berjimat cermat.

Berjimat cermat mengajar kita mengawal atau merancang perbelanjaan dengan bijak. Belilah yang perlu sahaja dan tidak mengikut kemahuan. Selain mengelakkan diri dari sikap membazir. Kita patut bersyukur dengan apa yang kita ada. Ini kerana, membeli sesuatu yang tidak perlu, boleh menimbulkan masalah kepada diri dan ahli keluarga. Dalam Islam juga melarang umatnya melakukan pembaziran.

Oleh itu, sama-samalah kita melatih diri dan ahli keluarga kita terutama anak-anak yang masih kecil agar mengamalkan budaya menabung dan berjimat cermat bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya. Sudah terang lagi bersuluh bahawa kedua amalan tersebut dapat menjamin masa hadapan yang lebih kukuh dan menyinari kehidupan kita agar lebih teratur dan bermanfaat.

**Nama : Siti Nur'ainuna Mahirah Haji Wahid**
**No. K/P : 01-079352(K)**
**Alamat : No. 3, Simpang 180-26, Jalan Buang Tengkurok, BJ2924, Negara Brunei Darussalam.**

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Keluarga Berperanan Bentuk Sahsiah Anak-Anak'.** Tarikh Tutup : **19 April 2017**
2. **'Elakkan Pembaziran Kekalkan Penjimatan Tenaga Elektrik'.** Tarikh Tutup : **26 April 2017**
3. **'Kemajuan Sains dan Teknologi Mendatangkan Kebaikan Kepada Manusia'.** Tarikh Tutup : **3 Mei 2017**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn**

4. Penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan pemenang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak **BND75.00.**

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

# Israk Mikraj : Hubungannya dengan sembahyang

**ISRAK** dan Mikraj merupakan peristiwa penting yang sentiasa diingati oleh seluruh umat Islam pada setiap tahun. Peristiwa Israk dan Mikraj berlaku pada 27 Rejab, iaitu setahun sebelum Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berhijrah ke Madinah. Israk dan Mikraj adalah dua peristiwa yang amat besar dan luar biasa yang dialami oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan dianggap sebagai satu penganugerahan yang tinggi nilainya dari segi kerohanian. Kedua-dua peristiwa itu adalah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala kepada baginda untuk memperlihatkan tanda keagungan dan kekuasaan-Nya.

Peristiwa Israk dan Mikraj merupakan perjalanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersama malaikat Jibril dan Mikail yang boleh dibahagikan pada dua fasa. Baginda telah di'Israkkan (dibawa berjalan) dengan menggunakan 'Buraq', dari Masjidil Haram di Kota Mekah ke Masjidil Aqsa di Baitulmuqaddis, Palestin serta di'Mikraj'kan (dibawa naik ke atas) ke Sidratul Muntaha di langit ketujuh untuk mengadap Allah Subhanahu Wata'ala. Perjalanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Masjidil Haram di Kota Mekah ke Masjidil Aqsa di Baitulmuqaddis, Palestin ini telah diabadikan oleh Allah Subhanahu Wa ta'ala di dalam Al-Quran, Surah Al-Israk, ayat 1 yang tafsirnya :

*"Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjidilharam (di Mekah) ke Masjidilaqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."*

Suasana ketika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ke Sidratul Muntaha juga digambarkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Al-Quran, Surah An-Najm, ayat 13 - 18 yang tafsirnya :




*"Dan demi sesungguhnya! (Nabi Muhammad) telah melihat (malaikat Jibril dalam bentuk upanya yang asal) sekali lagi di sisi 'Sidratul Muntaha'; yang di sisinya terletak syurga 'Jannatul Ma'wa'. (Nabi Muhammad melihat Jibril dalam bentuk rupanya yang asal pada kali ini ialah) semasa 'Sidratul Muntaha' itu diliputi oleh makhluk-makhluk dari alam-alam ghaib, yang tidak terhingga. Penglihatan (Nabi Muhammad) tidak berkisar daripada menyaksikan dengan tepat (akan pemandangan yang indah di situ yang diizinkan melihatnya), dan tidak pula melampaui batas. Demi sesungguhnya ia telah melihat sebahagian dari sebesar-besar tanda-tanda (yang membuktikan luasnya pemerintahan dan kekuasaan) Tuhannya."*

Peristiwa yang luar biasa itu merupakan satu mukjizat yang besar bagi Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kerana belum ada manusia yang melakukannya sebelum baginda. Menariknya, keseluruhan perjalanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam hanya berlangsung pada satu malam.

Sungguhpun peristiwa luar biasa yang dialami oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu mustahil dapat dijangkau oleh alam pemikiran manusia, namun kita selaku umat Islam wajib percaya dan meyakini bahawa Israk Mikraj yang ditempuhi serta dialami oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah benar dan berlaku dengan roh dan jasadnya sekali. Segala-galanya boleh berlaku dengan kehendak dan kekuasaan Allah selaku Pencipta dan Pentadbir alam semesta.

Dalam peritiwa Mikraj ke langit tersebut Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menyaksikan tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala dan baginda juga dilihatkan dengan berbagai-bagai kejadian dan peristiwa aneh yang menunjukkan keadaan perilaku manusia dengan balasan-balasan yang bakal mereka terima. Antara peristiwa paling besar dan penting diterima oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sewaktu baginda tiba di Sidratulmuntaha ialah perintah sembahyang.

Pada mulanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menerima perintah melakukan ibadat sembahyang untuk seluruh umatnya, iaitu sebanyak 50 waktu sehari semalam. Sebaik menerima perintah itu, tanpa banyak bicara Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan Jibril Alaihissalam bersiap untuk turun ke bumi. Pada ketika itu, Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam bertemu Nabi Musa yang bertanyakan hal itu. Selepas mendengar penjelasan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Nabi Musa berkata : "Kembalilah kepada Tuhanmu dan mintalah sedikit keringanan kerana bilangan itu tidak akan terdaya dilakukan umatmu ya Muhammad."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan Jibril Alaihissalam kembali menghadap Tuhan. Selepas dipohon keringanan itu, maka jumlah solat dikurangkan menjadi 40 kali. Apabila berjumpa dengan Nabi Musa kembali, dia meminta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menemui Allah Ta'ala sekali lagi supaya jumlah itu dapat dikurangkan lagi.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam beberapa kali berulang alik menemui Allah Ta'ala, sehinggalah Allah mengurangkannya menjadi 10 dan akhirnya menjadi 5 waktu saja. Nabi Musa masih merasakan umat Muhammad tidak akan mampu melaksanakan ibadat sembahyang lima waktu itu, tetapi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam nekad untuk tidak lagi menghadap Allah Ta'ala kerana baginda berasa malu untuk berdepan dengan Allah.

Dalam peristiwa Israk dan Mikraj, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga telah diperlihatkan kepada satu kaum yang memukul-mukul kepalanya dengan batu-batu besar. Setiap kali dihempap, kepala mereka berkecai. Kemudian, bercantum semula seperti sediakala. Hal ini terus-menerus berlaku tanpa henti. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya kepada malaikat Jibril Alaihissalam tentang peristiwa tersebut. Malaikat Jibril Alaihissalam lantas menjawab, "mereka itu adalah orang-orang yang sentiasa malas untuk menunaikan sembahyang fardu". Demikianlah betapa dahsyatnya seksaan kepada mereka yang malas dan meninggalkan ibadah solat.

Sembahyang adalah kewajipan bagi setiap mukmin sebagimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisaa, ayat 103 yang tafsirnya :

*"Maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu kewajipan ke atas orang-orang yang beriman yang ditentukan waktunya."*

Biarpun jumlah sembahyang dikurangkan menjadi lima waktu saja, namun ganjaran pahala mengerjakannya tetap menyamai ibadat solat 50 waktu. Oleh itu, marilah kita menginsafi diri dan istikamah dalam mendirikan ibadat sembahyang. Janganlah kita termasuk dalam golongan yang lalai.

Semoga kita dapat bermuhasabah diri, merenung, menghayati dengan sebaiknya dan mengambil iktibar dari peristiwa itu pada bulan Rejab yang mulia ini.

# Didik anak suka sembahyang bermula dari kecil



UNTUK memastikan anak-anak mengerjakan sembahyang lima waktu bukan perkara mudah, jadi mereka perlu ada didikan ugama yang kukuh.



PENGARAH Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Universiti Sultan Sharif Ali, Awang Haji Sammali bin Haji Adam menjelaskan ibu bapa sebagai *role-model* kepada anak-anak.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin



MENDIDIK anak-anak untuk sembahyang perlu bermula dari kecil.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 17 April. - Anak merupakan anugerah Allah dan amanah besar yang perlu dididik dengan sebaik-baiknya agar menjadi insan yang berguna.

Islam mengajar bahawa apabila anak-anak itu sudah sampai usia tujuh tahun, maka ibu bapa mempunyai tanggungjawab dalam mendidik dan mengajar anak mereka mengenai kewajipan sembahyang fardu lima waktu seperti yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa di Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Haji Sammali bin Haji Adam ketika ditemui menjelaskan, ibu bapa sebagai *role-model* kepada anak-anak supaya mereka terikut untuk mendirikan sembahyang.

Menurutnya, ibu bapa hendaklah sentiasa memberi arahan tanpa jemu sekalipun anak-anak memberikan pelbagai alasan untuk tidak mahu sembahyang selain perlu tegas tapi mesra dalam menyuruh anak-anak mereka menunaikan kewajipan sembahyang.

Ibu bapa tambahnya perlu menimbulkan suasana persekitaran cinta akan sembahyang, contohnya mendengar azan bersama anak-anak sama ada melalui radio atau televisyen, membaca doa bersama selepas azan dikumandangkan dan sembahyang berjemaah bersama di rumah, ketika dalam perjalanan ataupun di masjid.

Sementara itu, Dayang Hajah Norwati binti Haji Abu Bakar dari Kampung Mata-Mata Gadong pula menjelaskan, mendidik anak-anak untuk sembahyang bukan satu perkara yang mudah, perlu kepada kesungguhan dan kesabaran untuk melaksanakannya.

Beliau berkata, di antara cara untuk mendidik anak untuk sembahyang bermula dari ibu bapa sendiri yang mana mereka perlu menjadi contoh yang boleh di ikuti oleh anak-anak.

"Didikan melalui contoh tauladan sangat memberi kesan kepada anak-anak kerana ibu bapa merupakan model terbaik untuk melakukan sesuatu. Anak-anak akan mengikut dan bertabiat sepertimana yang dilihatnya. Ibu bapa perlu melaksanakan pendekatan yang sesuai untuk mendidik anak-anak sembahyang seiring dengan tahap umur anak-anak mereka", ujarnya.

Dayang Hajah Norwati seterusnya menambah, ingatkan kepada anak-anak untuk sembahyang pada waktunya dan ketegasan dari ibu bapa dalam menyuruh anak-anak untuk sembahyang juga perlu.

***'IBU BAPA hendaklah sentiasa memberi arahan tanpa jemu sekalipun anak-anak memberikan pelbagai alasan untuk tidak mahu sembahyang selain perlu tegas tapi mesra dalam menyuruh anak-anak mereka menunaikan kewajipan sembahyang.'***

# PDB jalani Kelas Bimbingan Fiqh as Solat

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**GADONG,** Isnin, 17 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) melalui Badan Ugama Islam mengadakan Kelas Bimbingan Fiqh as Solat yang berlangsung di Surau Ibu Pejabat PDB, di sini.

Menurut Siaran Akhbar PDB, kelas tersebut dibimbing oleh Awang Hilman bin Haji Salim.

Kelas selama sehari itu disertai oleh 30 peserta 'focus group' terdiri dari Pasukan Simpanan Kompeni 'C', yang juga dikenali sebagai Polis Hutan dan Polis Marin.

Tujuan kelas tersebut untuk memberi bimbingan secara teori dan praktikal solat serta cara-cara taharah / menyucikan diri semasa bertugas, ini adalah kerana mereka bertugas di perbatasan negara, iaitu di kawasan hutan belantara dan dalam keadaan suasana yang tidak menentu.

Manakala polis Marin pula sering melalui keadaan seperti bermusafir di dalam bot atau kapal laut.

Solat Khauf merupakan solat yang disyariatkan semasa waktu menghadapi musuh atau darurat, yang mana Islam memberi 'rukshah' ataupun kemudahan kepada penganutnya.

Ibadat solat merupakan fardu yang tidak boleh diambil ringan, namun pada masa yang sama Islam memberikan cara yang mudah sebagai rahmat.



KELAS Bimbingan Fiqh as Solat dibimbing oleh Awang Hilman bin Haji Salim.

# Zikrullah : Ketahui Hakikat, Adab dan Hukum-Hakamnya




***(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan Salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)***

**MENDAPAT** darjat yang tinggi di sisi Allah *Subhanahu Wata'ala* merupakan impian setiap muslim. Berbagai cara yang boleh dilakukan untuk mendapat kedudukan tersebut. Salah satu cara yang paling mudah dan berkesan ialah dengan mengerjakan *zikrullah,* iaitu berzikir mengingati Allah *Subhanahu Wata'ala*.

Namun begitu, untuk mencapai kesempurnaan dalam mengerjakan *zikrullah,* tidak memadai sekadar mengerjakannya tanpa kefahaman dan pengetahuan yang mencukupi mengenainya. Boleh jadi kaedah mengerjakan *zikrullah* kita itu tidak menepati kehendak syarak atau tidak memenuhi tuntutan adab-adabnya. Akibatnya, *zikrullah* yang dikerjakan itu tidak memberi apa-apa kesan dalam diri ataupun mengakibatkan kurang pahala.

Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan hakikat *zikrullah* dari sudut bahasa, istilah, saranan mengerjakannya, kelebihan, adab-adab dan beberapa hukum yang berkaitan dengannya. Mudah-mudahan dengan mengetahui dan memahaminya dapat membantu kita mengerjakan *zikrullah* dengan lebih sempurna dan sekali gus menatijahkan rasa khusyuk dan kelazatan ketika mengerjakannya.

**Definisi Zikir**

Zikir dari sudut bahasa mengandungi dua makna, iaitu :

(i) Sesuatu yang dilafazkan dengan lidah.

(ii) Mengingat dalam hati, yakni lawan bagi lupa.

Manakala dari sudut istilah pula, ia mengandungi dua makna, iaitu makna umum dan makna khusus.

(i) Istilah zikir dalam maknanya yang umum ialah :

Mengingati Allah *Subhanahu Wata'ala,* sama ada dengan melafazkan atau menyebutkan akan zat-Nya, sifat-sifat-Nya, perbuatan-perbuatan-Nya, hukum-hakam yang disyariatkan-Nya, membaca kitab-Nya, memohon dan meminta doa kepada-Nya, memuji dan mensucikan-Nya, atau dengan men*tauhid*kan, memanjatkan puji dan syukur ke atas-Nya dan mengagungkan-Nya.

Istilah ini merupakan istilah umum bagi zikir yang merangkumi semua perbuatan yang dilakukan dengan tujuan mengingati Allah *Subhanahu Wata'ala.* Maka berdasarkan takrif ini, semua zikir, wirid, doa, perbuatan membaca Al-Qur'an dan seumpamanya termasuk dalam maksud 'zikir'.

Penggunaan lafaz zikir dalam istilah umum ini ada disebutkan oleh Imam Ibnu Hajar Al-'Asqalani Rahimahullah dalam Fath Al-Bari, katanya : *"Dan lafaz 'zikrullah' juga dipergunakan dengan maksud mengerjakan secara berterusan amalan-amalan yang diwajibkan-Nya ataupun yang disunatkan-Nya, seperti membaca Al-Quran, membaca hadis, mempelajari ilmu dan mengerjakan sembahyang sunat."*

(ii) Manakala istilah zikir dalam maknanya yang khusus pula ialah : Melafazkan puji-pujian (membaca zikir) ke atas Allah *Subhanahu Wata'ala.*

Zikir menurut istilah ini tertumpu pada lafaz-lafaz zikir yang tertentu. Dari itu, perbuatan membaca Al-Quran, berdoa dan sebagainya tidak termasuk dalam istilah zikir dalam pengertiannya yang khusus.

Imam Ibnu 'Allan *Rahimahullah* berpendapat bahawa istilah khusus ini adalah maksud zikir yang hakiki. Manakala zikir dalam ertikata yang lain daripada maksud tersebut (seperti membaca Al-Quran dan berdoa) hanyalah zikir dari segi majazi yakni kiasan sahaja. Menurut beliau, zikir itu adalah : *"Lafaz kata-kata pujian dan mengagungkan Allah Subhanahu Wata'ala, yang disyariatkan kepada kita untuk melafazkannya sebagai ibadat."*

Lafaz zikir juga ada dipergunakan dalam Al-Quran dan hadis merujuk pada maksud atau perkara yang lain, seperti atas maksud : Al-Quran, Kitab-kitab terdahulu, juga dinisbahkan kepada Nabi Muhammad *Sallallahu Alaihi Wasallam*, kebaikan dan kemuliaan, nasihat dan Lauh Al-Mahfhuz.

Selain berzikir dengan lisan, zikir juga dilakukan dengan hati dengan bertafakur pada rahsia kekuasaan, ciptaan dan hukum-hakam yang disyariatkan oleh Allah *Subhanahu Wata'ala.*

Bahkan zikir juga dilakukan dengan anggota badan yang lain, iaitu dengan mempergunakannya untuk perkara-perkara ketaatan.

**Lafaz *Zikrullah***

Terdapat dua jenis lafaz zikir, iaitu :

**(i) Zikir-zikir *Ma'tsur***

Iaitu zikir-zikir yang warid daripada Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* dalam Al-Quran dan Al-Hadis, yang diajarkan dan dianjurkan atau dibuat sendiri oleh Baginda. Antara zikir jenis ini ialah zikir menaiki kenderaan (Surah Az-Zukhruf : 13 - 14), lafaz-lafaz *Tahlil, Tasbih, Tahmid, Takbir, Hauqalah, Istirja', Basmalah, bacaan Salawat, Talbiyah, Hasbalah,* doa ketika melihat hujan, bacaan ketika hendak tidur dan seumpamanya.

**(ii) Zikir-zikir Tidak *Ma'tsur***

Iaitu zikir-zikir yang tidak warid daripada Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* dalam Al-Quran mahupun Al-Hadis, yang tidak ada diajarkan dan tidak ada dianjurkan atau dibuat sendiri oleh Baginda. Contohnya zikir-zikir yang diamalkan oleh para sahabat, para ulama dan sebagainya.

Menurut syarak, kedua-dua jenis zikir ini boleh diamalkan. Bagaimanapun, beramal dengan zikir yang *ma'tsur* adalah lebih afdal daripada beramal dengan zikir yang direka oleh manusia biasa kerana dengan mengamalkan zikir yang *ma'tsur* itu merupakan *iqtida'* (mengikut atau mencontohi) Nabi Muhammad *Sallallahu Alaihi Wasallam.*

**Saranan Mengerjakan *Zikrullah***

Dalam Al-Quran dan hadis, banyak sekali saranan untuk mengerjakan *zikrullah,* antaranya :

**(i) Daripada Al-Quran :**

Tafsirnya : *"Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang maka ingatlah Allah ketika kamu berdiri dan duduk serta ketika kamu berbaring..."*

(Surah An-Nisa : 103)

Allah *Subhanahu Wata'ala* berfirman lagi dalam Surah Al-Ahzab, ayat 41 :

Tafsirnya : *"Wahai orang-orang yang beriman! Berzikirlah mengingat Allah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya."*

(Surah Al-Ahzab : 41)

**(ii) Daripada hadis Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* :**

Abu Hurairah *Radhiallahuanhu* meriwayatkan bahawasanya Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* telah bersabda :

**Maksudnya :** *"... Golongan Al-Mufarridun telah pun mendahului." Para sahabat lalu bertanya : "Dan siapakah golongan Al-Mufarridun itu wahai Rasulullah?" Baginda menjawab : "Kaum lelaki dan perempuan yang banyak berzikir kepada Allah."*

(Hadis riwayat Muslim)

Daripada Abu Ad-Darda' *Radhiallahuanhu,* beliau meriwayatkan bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda :

**Maksudnya :** *"Mahukah kamu aku beritahukan tentang amalan kamu yang paling baik dan paling suci di sisi Allah, serta paling meninggikan (kedudukan) pada darjat kalian dan ia lebih baik berbanding menginfakkan emas dan perak dan lebih baik berbanding kamu bertempur dengan musuh lalu kamu memenggal kepala mereka dan mereka memenggal kepala kamu?" Para sahabat menjawab : "Sudah tentu!" Lalu Baginda menjawab : "Zikrullah Ta'ala."*

*Maka Mu'az bin Jabal Radhiallahuanhu berkata : "Tidak ada sesuatupun yang lebih menyelamatkan daripada azab Allah Subhanahu Wata'ala selain zikrullah."*

(Hadis riwayat At-Tirmizi, Ibnu Majah, Malik dan Ahmad)

**Kelebihan *Zikrullah***

Walaupun *Zikrullah* merupakan antara ibadat yang paling ringan dan paling mudah, akan tetapi fadilatnya sangat banyak dan kedudukannya sangat tinggi dan mulia di sisi Allah *Subhanahu Wata'ala* Antara kelebihan atau fadilat mengerjakan *zikrullah* ialah :

(i) Zikir, dalam istilahnya yang umum, iaitu dalam erti kata yang merangkumi perbuatan membaca Al-Quran dan amalan-amalan yang lain, merupakan antara amalan yang terbaik. Bahkan menurut Imam Ibnu Hajar Al-'Asqalani Rahimahullah, ia lebih utama daripada jihad sekiranya hati penzikir itu turut sama berzikir dan bertafakur ketika lisannya berzikir.

Sekiranya zikir itu sekadar pada lisan sahaja, maka jihad adalah lebih afdal.

Menurut sebahagian ulama lagi, zikir juga dianggap lebih afdal daripada jihad bagi mereka yang tidak memiliki kekuatan untuk berjihad.

(ii) Ibadat sembahyang, puasa dan semua ibadat yang lain disyariatkan semata-mata untuk tujuan *zikrullah* yakni mengingati Allah *Subhanahu Wata'ala.* Sekiranya seseorang itu mengerjakan suatu ibadat tanpa hatinya mengingat Allah *Subhanahu Wata'ala,* maka amal ibadatnya belum lagi sempurna. Firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah Thaha, ayat 14 :

**Tafsirnya :** *"Sesungguhnya Akulah Allah, tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Aku, maka sembahlah Aku dan dirikanlah sembahyang untuk mengingati-Ku."*

(Surah Thaha : 14)

(iii) Amalan *zikrullah* menjadikan seseorang itu dapat mengerjakan apa sahaja ibadat dengan senang, mudah dan penuh kelazatan tanpa merasa ia sesuatu yang berat atau membebankan.

(iv) Orang yang berzikir akan menjadi dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta akan dijaga, dibantu, diredhai, dikurniakan taufiq dan bimbingan serta disayangi oleh-Nya. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa mengingati hamba yang mengingati-Nya.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 152 :

**Tafsirnya :** *"Maka ingatlah kamu kepada-Ku (dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat) nescaya Aku akan mengingati kamu. Dan bersyukurlah kepada-Ku (dengan taat mengerjakan suruhan-Ku) dan janganlah kamu mengingkari (dengan berbuat derhaka dan maksiat)."*

(Surah Al-Baqarah : 152)

(v) Amalan *zikrullah* menewaskan syaitan dan menjaga tuannya daripada was-was, tipu daya, gangguan dan kejahatan mereka. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman :

**Tafsirnya :** *"Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa apabila mereka ditimpa was-was daripada syaitan, mereka segera ingat (kepada Allah Subhanahu Wata'ala), maka ketika itu juga mereka melihat (jalan yang benar)."*

(Surah Al-'A'raf : 201)

(vi) Ganjaran pahala yang sangat besar. Antara ganjaran besar yang disebutkan bagi amalan zikrullah ini adalah hadis mengenai fadilat mengerjakan wirid selepas sembahyang yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, beliau menceritakan :

**Maksudnya :** *"Orang-orang fakir kaum Muhajirin telah mendatangi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, lalu berkata : "Orang-orang kaya mendapatkan kedudukan yang tinggi serta kenikmatan yang kekal abadi." Baginda bertanya : "Apakah dia (yang kamu maksudkan)?" Mereka menjawab : "Mereka mendirikan sembahyang sepertimana kami mendirikan sembahyang. Mereka mengerjakan puasa sepertimana kami mengerjakan puasa. Mereka mampu mengeluarkan sedekah sedangkan kami tidak mampu bersedekah. Mereka mampu memerdekakan hamba sahaya sedangkan kami tidak mampu memerdekakan hamba sahaya."*

Maka Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* pun bersabda : *"Mahukah aku sampaikan kepada kamu sesuatu yang dengannya kamu dapat menyusuli orang yang mendahului kamu dan (dengannya juga) kamu akan mendahului orang-orang selepas kamu? Dan tidak ada seorang pun yang lebih baik daripada kamu kecuali orang yang melakukan sepertimana yang kamu lakukan." Mereka menjawab : "Tentu sekali wahai Rasulullah." Baginda bersabda : "Iaitu kamu membaca tasbih, membaca takbir dan membaca tahmid setiap selesai sembahyang sebanyak tiga puluh tiga kali."*

Abu Salih (perawi daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu) berkata : "*Maka orang-orang fakir kaum Muhijirin itu pun kembali menemui Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lalu berkata : "Saudara kami, iaitu golongan yang kaya telah mendengar apa yang kami kerjakan, lantas mereka pun mengerjakan hal yang sama." Maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Itulah kurniaan Allah yang diberikan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya."*

(Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

(vii) *Zikrullah* mampu menenangkan jiwa. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 28 :

***Tafsirnya*** : *"(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan zikrullah (mengingat Allah Subhanahu Wata'ala). Ketahuilah, dengan zikrullah itu, hati menjadi tenteram."*

(Surah Ar-Ra'd : 28)

(viii) Melahirkan dan menanamkan rasa gerun, cinta dan memuliakan Allah Subhanahu Wata'ala. Ini akan membuat seseorang itu lebih berhati-hati dalam segala tindak tanduknya kerana dia mengetahui dan dapat merasa bahawa Allah *Subhanahu Wata'ala* sentiasa di sisinya dan memerhatikannya sepanjang masa.

(ix) Menyembuhkan, membersihkan, menyinarkan dan menguatkan hati. *Zikrullah* juga mendatangkan rasa senang, tenang dan gembira serta menjauhkan perasaan susah hati, gelisah dan kesedihan.

(x) Memelihara lidah daripada melakukan *ghibah* (menyebutkan di belakang tuannya sesuatu tentang dirinya yang dia tidak suka didengari orang lain), dusta dan maksiat-maksiat lisan yang lainnya. Ini kerana orang yang lidahnya dibiasakan dengan *zikrullah,* Allah *Subhanahu Wata'ala* akan memelihara lidahnya daripada semua kebatilan dan kemungkaran.

(xi) *Zikrullah* merupakan cahaya bagi pengamalnya. Di dunia, ia merupakan cahaya yang memeliharanya dalam kehidupannya. Di alam kubur, ia merupakan cahaya yang menerangi kuburnya. Sementara di akhirat kelak, ia merupakan cahaya yang akan membimbingnya meniti Sirah.

(xii) *Zikrullah* merupakan satu penyataan rasa syukur seorang hamba atas kurniaan Allah *Subhanahu Wata'ala.* Barangsiapa yang mengabaikan *zikrullah,* bermakna dia belum lagi mensyukuri-Nya.

(xiii) *Zikrullah* menarik nikmat dan menolak kemurkaan Allah *Subhanahu Wata'ala.*

*Zikrullah* memudahkan segala urusan, menyenangkan segala kepayahan, meringankan segala bebanan dan melepaskan daripada segala masalah dan ketakutan.

BERSAMBUNG

# MIB bantu bendung penyalahgunaan dadah

**Oleh : Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei**




**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman selaku tetamu kehormat pada Seminar BASMIDA.**

MASALAH sosial khususnya penyalahgunaan dadah merupakan penyakit masyarakat yang wujud dalam kehidupan manusia tanpa mengira masa dan waktu selagi ada perkembangan dan pembangunan sesebuah negara. Ia bukan merupakan satu perkara yang baharu, tetapi telah wujud sejak perkembangan ketamadunan manusia. Ia bukan sahaja menjadi isu kebangsaan bahkan menjadi masalah pada peringkat global dalam kehidupan moden masa kini dan perlu dibanteras serta diselesaikan oleh negara-negara di dunia memandangkan ia makin menular dan telah meracuni kehidupan masyarakat moden masa kini. Kepesatan dan kemajuan yang dinikmati manusia telah menyumbang kepada peningkatan pada permasalahan sosial akibat dari kecanggihan informasi teknologi tanpa batasan. Oleh itu, setiap masyarakat mesti mempunyai pendinding atau alat pencegah untuk membendung dan mengubat penyakit ini, bukan sahaja dari segi pelaksanaan undang-undang dan hukuman-hukuman yang berat kepada pihak yang terlibat dengan kegiatan penyalahgunaan dadah sama ada pengedar atau penagih, tetapi juga dari sudut pendidikan serta penyemaian nilai-nilai budaya dan keagamaan dengan tujuan untuk mencegah dan seterusnya mengubati penyakit tersebut. Justeru, adalah lebih tepat sekali bahawa pengamalan nilai-nilai yang terdapat dalam Konsep Melayu Islam Beraja dapat membantu dalam mengekang dan membendung penyakit penyalahgunaan dadah di negara ini.

Perkara ini telah menjadi topik perbincangan dalam Seminar BASMIDA yang berlangsung pada 1 Safar 1438 bersamaan 1 November 2016 yang diadakan di The Empire Hotel & Country Club, Jerudong, Negara Brunei Darussalam. Tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman. Tema seminar ialah Pencegahan Penyalahgunaan Dadah melalui Nilai-Nilai Murni Melayu Islam Beraja. Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja telah dijemput untuk menyampaikan satu kertas kerja bersama tiga pembentang lain, di samping kertas kerja Ucaptama yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Sebagaimana yang telah disampaikan oleh tetamu kehormat dalam sabda perasmian bahawa Dalam konteks negara kita, konsep MIB sudah setentunya sangat relevan dan mempunyai peranan yang signifikan ke arah memperkasa keupayaan serta kedayatahanan masyarakat kita untuk mencegah dan mengekang sebarang punca gejala sosial.

Justeru, pemerkasaan nilai-nilai mulia dan luhur konsep MIB adalah berperanan untuk memantapkan keperibadian serta ketahanan minda setiap individu dari mudah diperdaya serta terpengaruh pada berbagai bentuk gejala dan tabiat buruk termasuk penyalahgunaan dadah serta bahan terkawal lainnya.

Selaras dengan tema Seminar BASMIDA, penulis telah diundang untuk menyampaikan kertas kerja yang bertajuk Melayu Islam Beraja. Dalam kertas kerja ini, perkara utama yang telah diketengahkan ialah mengenai nilai-nilai yang terdapat dalam konsep Melayu Islam Beraja yang menjadi cara hidup masyarakat Brunei dan peranannya bagi membendung masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat Brunei. Bahagian awal tumpuan diberikan pada sejarah kewujudan pengamalan nilai-nilai Melayu Islam Beraja yang menjadi warisan dan identiti kebruneian bahkan dihayati sebagai cara hidup masyarakat Brunei. Manakala bahagian kedua perbincangan adalah mengenai nilai-nilai yang terdapat dalam ketiga-tiga komponen yang menjadi falsafah negara, iaitu nilai-nilai Melayu, Islam dan Beraja. Manakala bahagian akhir kertas kerja ini adalah rumusan mengenai konsep MIB sebagai nilai paling murni dan agung yang perlu diamal dan dihayati oleh setiap individu dan masyarakat Brunei bagi membantu sekurang-kurangnya dalam membendung serta sebagai santapan rohani dan jasmani dalam mengubati penyakit penyalahgunaan dadah yang dihadapi masyarakat Brunei pada dewasa ini.

Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh ketiga-tiga pembentang kertas kerja yang lain telah mempersetujui akan peranan dan kepentingan pengamalan dan penghayatan nilai-nilai MIB sebagai salah satu cara untuk mencegah dan membendung masalah penyakit sosial seperti penyalahgunaan dadah. Menurut pandangan Yang Berhormat Pehin Mufti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduk Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned sebagai pembentang kertas kerja ucaptama dalam seminar tersebut bahawa :

Sekarang BASMIDA pula sedang menyuarakan satu pendekatan, berbunyi: mencegah penyalahgunaan dadah melalui nilai-nilai MIB.

Mencegah diperlukan untuk komuniti seumumnya dan merawat pula diperlukan untuk membaik pulih para penagih. Apakah kita bersetuju dengan pendekatan ini? Saya secara peribadi sungguh setuju. Cuma ingin mencadangkan sedikit tambahan, iaitu bukan setakat mencegah penyalahgunaan, bahkan juga lebih penting adalah merawat ketagihan para penagih. Jika cadangan ini diterima, maka ia akan berbunyi : Pencegahan Penyalahgunaan Dadah dan Rawatan terhadap Para Penagih melalui Nilai-nilai MIB. Kerana jika mencegah sahaja yang di*highlight,* Cuma mencegahlah sahaja, tidak termasuk merawat, sedang penghuni Pusat Pemulihan adalah mereka yang sudah sedia bermasalah, yang boleh disifatkan tidak berbangkit lagi perkara mencegah, tetapi lebih berbangkit ialah merawat mereka.

Ertinya di sini, mencegah itu sifatnya umum sedang merawat pula sifatnya khusus kepada para penagih. Bagaimanapun, dua-dua ini tetap diperlukan. Mencegah diperlukan untuk komuniti seumumnya dan merawat pula diperlukan untuk membaik pulih para penagih.

Sehubungan dengan itu, tugas dan peranan dalam membendung masalah penyalahgunaan dadah di negara ini adalah melibatkan semua pihak dalam kalangan rakyat dan penduduk negara ini. Berdasarkan kepada penangkapan yang dibuat oleh pihak berkenaan sepanjang tiga tahun kebelakangan ini menunjukkan bahawa bilangan jumlah penangkapan adalah berkurangan, bagaimana pun bilangan penangkapan dalam kalangan penagih bangsa Melayu yang beragama Islam adalah majoriti bahkan bilangan penagih berulang adalah hampir melebihi 40%. Meskipun jumlah bilangan penangkapan ini secara purata tidak mencapai 1% daripada jumlah keseluruhan rakyat Brunei, namun ia perlu diambil perhatian serius untuk mengelakkan daripada menjadi penyakit yang kronik dalam masyarakat Brunei. Kita tidak mahu penyakit ini makin menular di negara ini dan mewujudkan keadaan yang tidak selesa dan aman dalam kehidupan bermasyarakat. Bahkan menjadikan satu beban kepada masyarakat dan kerajaan dalam menanggung semua perbelanjaan untuk pencegahan, pembaikan dan pemulihan. Kewujudan penyakit ini bukan sahaja disebabkan ketuhuran dan ketidak keberkesanan kita dalam menyemaikan dan mengamalkan nilai-nilai MIB dalam kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat, tetapi juga impak daripada faktor alam sekeliling seperti rakan sebaya, keluarga, masyarakat, keadaan sosio-ekonomi yang serba kekurangan pada masa ini termasuk faktor pengangguran dan kewangan. Dengan lain perkataan, semua pihak adalah terlibat dalam menyelesaikan penyakit penyalahgunaan dadah di negara ini bukan hanya bergantung kepada pihak tertentu. Keluarga, masyarakat, sektor swasta dan kerajaan, golongan NGO serta rakyat dan penduduk negara ini berperanan untuk bekerjasama dalam membanteras penyakit ini dan juga masalah-masalah sosial lain seperti mencuri, merompak, merogol, membunuh, meminum minuman keras, berzina, berjudi, menipu, melacur dan sebagainya. Penyakit ini memang telah wujud sekian lama dalam masyarakat Brunei selaras kemajuan dan pembangunan negara yang dinikmati dewasa ini. Dalam era selepas Perang Dunia khususnya pada tahun 1950an sehingga 1970an negara kita telah dipengaruhi cara kehidupan dunia barat yang dikenali sebagai budaya kuning yang dicoraki dengan kehidupan pergaulan bebas, dadah, minuman keras, perjudian dan keruntuhan akhlak dan moral dalam kalangan generasi muda. Kenyataannya, penyakit ini memang terus wujud dalam kehidupan masyarakat Brunei, dan tidak ada ubat selain dari pengamalan dan pelaksanaan nilai-nilai MIB dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara bagi mengukuhkan keimanan dan ketakwaan pada Allah Subhanahu Wata'ala bagi kebahagiaan dan keselamatan dunia akhirat sebagaimana titah Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam:

Kita perlu meningkatkan kerja keras untuk menyekat gejala-gejala negatif, sambil juga berusaha dengan bersungguh-sungguh menyuburkan nilai-nilai murni, selaras dengan falsafah negara : Melayu Islam Beraja.

(Titah sempena Sambutan Hari Guru 23 September 2014).



**ANTARA peserta pada Seminar BASMIDA yang berlangsung pada 1 Safar 1438 bersamaan 1 November 2016 yang diadakan di The Empire Hotel & Country Club, Jerudong, Negara Brunei Darussalam.**

# Syarikat Namara Aquaculture bantu tingkatkan industri perikanan

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Azmah Haji Ahad

PERUSAHAAN ternakan ikan dalam sangkar persisiran pantai merupakan salah satu perusahaan yang giat dikendalikan oleh para pengusaha di negara ini yang sekali gus menyumbang ke arah pertumbuhan sektor negara ini yang sekali gus menyumbang ke arah pertumbuhan sektor perikanan negara. Salah sebuah syarikat yang mengendalikan perusahaan sedemikian ialah Syarikat Namara Aquaculture, sebuah syarikat tempatan yang diusahakan sendiri olah Pengarah Urusan iaitu Awang Haji Ahmad Nazrin bin Dato Paduka Haji Mohd Mahadi. Syarikat ini telah berkecimpung dalam perusahaan ternakan ikan dalam sangkar persisiran pantai di Tapak Industri Pemeliharaan Ikan Dalam Sangkar di Sungai Bunga seluas 0.2 hektar sejak tahun 2013.

Syarikat berkenaan kini mengoperasikan sebanyak 132 buah petak sangkar yang berukuran 3m x 3m yang dapat memuatkan 270 hingga 405 ekor anak ikan laut dalam setiap petak sangkar. Antara jenis ikan laut yang dipelihara adalah seperti ikan selungsong, ikan kerapu, ikan merah, ikan putih dan ikan tilapia.

Syarikat ini mempunyai rangkaian pasaran tempatan di mana hasil pemeliharaan ikan laut dijual kepada Pasar Gadong, gedung-gedung perniagaan dan restoran sendiri. Bagi membantu melicinkan operasi penghasilan ikan laut, syarikat ini telah melantik seorang pengurus sangkar tempatan dengan dibantu oleh dua orang pekerja asing untuk mengendalikannya.

### VISI SYARIKAT DALAM INDUSTRI AKUAKULTUR

Syarikat Namara Aquaculture mempunyai visi ke arah meningkatkan penghasilan dan produktiviti ladang yang sedia ada secara berterusan bagi menyumbang kepada pertumbuhan industri perikanan dan seterusnya untuk menerokai pasaran eksport. Pada tahun 2014, dengan mengoperasikan sebanyak 132 petak sangkar dengan keluasan 0.2 hektar, syarikat ini berupaya menghasilkan sebanyak 5.1 metrik tan ikan laut, manakala pada tahun 2015 terdapat sedikit peningkatan iaitu 5.7 metrik tan di mana hanya sebanyak 16% daripada sasaran telahpun dicapai.

***KE ARAH mengembangkan lagi perusahaan, syarikat ini akan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan pengeluaran dan produktiviti ladang syarikat dengan memaksimakan sangkar-sangkar yang sedia ada, mempelbagaikan jenis ikan ternakan serta dengan melaksanakan amalan akuakultur yang baik supaya dapat menghasilkan ikan yang berkualiti dan dapat menembusi pasaran eksport.***



TAPAK Industri Pemeliharaan Ikan Dalam Sangkar milik Syarikat Namara Aquaculture yang terletak di Sungai Bunga.

Pada tahun 2016 Syarikat telah mencapai peningkatan sebanyak 6.6 metrik tan dan mampu menjana sebanyak 26% pengeluaran dari sasaran berjumlah 25.6 metrik tan. Pada tahun 2017, ke arah melaksanakan visi pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Syarikat akan meningkatkan bilangan sangkar kepada 175 buah dan akan terus memastikan pengurusan dalam mengoperasikan sangkar ikan akan sentiasa berjalan dengan lancar dan teratur, memastikan stok ikan untuk klien menepati keperluan, meningkatkan lagi jumlah petak sangkar yang ada serta memastikan penggunaan teknologi teratur dan memperluaskan lagi perniagaan tempatan ke arah pengeksportan.

### BANTU CAPAI SASARAN

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam pelan strateginya menjangkakan pertumbuhan pengeluaran bagi industri perikanan dari sumbangan KDNK sejumlah $95.07 juta pada tahun 2016, kepada sasaran sejumlah $681 juta menjelang tahun 2020 di mana sejumlah $404 juta bagi Industri Akuakultur. Sebagai seorang pengusaha, syarikat milik beliau telah mengambil beberapa langkah dalam membantu kementerian berkenaan mencapai sasaran tersebut. Antara langkah-langkah yang diambil termasuklah memaksimakan penggunaan tapak seluas 0.2 hektar yang ditawarkan di Sungai Bunga dengan menambah jumlah sangkar yang sedia ada sehingga mencapai sasaran sebanyak 175 buah petak sangkar dan meningkatkan pengeluaran dan produktiviti ladang ternakan dengan mengamalkan garis pandu amalan akuakultur yang baik (Brunei Good Aquaculture Practices atau BGAqP).



SALAH seorang pekerja syarikat yang membantu mengendalikan operasi penghasilan ikan dalam sangkar.

Selain itu syarikat tersebut juga memenuhi kapasiti keperluan dan menyumbang kepada pasaran eksport serta bersedia meningkatkan pelaburan dengan keupayaan kewangan yang ada.

### ALU-ALUKAN SARANAN KERAJAAN

Ketika menyentuh mengenai saranan pihak kerajaan agar para pengusaha sektor perikanan digalakkan menggunakan teknologi tinggi bagi meningkatkan hasil pengeluaran, syarikat ini sangat mengalu-alukan apa jua bentuk saranan pihak kerajaan dalam meningkatkan penghasilan dan produktiviti ladang ternakan secara berterusan dengan memperkenalkan teknologi penghasilan ikan terkini daripada negara-negara yang berjaya bagi dapat menyesuaikan dengan keadaan di negara ini dan mengamalkan penggunaan mesra alam dan tidak memerlukan perbelanjaan yang tinggi.

Ke arah mengembangkan lagi perusahaan, syarikat ini akan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan pengeluaran dan produktiviti ladang syarikat dengan memaksimakan sangkar-sangkar yang sedia ada, mempelbagaikan jenis ikan ternakan serta dengan melaksanakan amalan akuakultur yang baik supaya dapat menghasilkan ikan yang berkualiti dan dapat menembusi pasaran eksport. Selain itu syarikat ini juga berhasrat untuk membesarkan lagi perusahaan ternakan ikan dalam sangkar ini pada masa yang terdekat.







PELBAGAI jenis ikan yang diternak.

# Penemuan minyak dan gas di daratan amat disyukuri

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**TUTONG,** Isnin, 17 April. - Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) telah berjaya menerokai dalam penemuan minyak dan gas di Telaga Layang-Layang di kawasan Lumut berikutan kenyataan Siaran Akhbar yang dikeluarkan Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini.

Berikutan penemuan di daratan yang signifikan bagi BSP dalam masa 37 tahun itu, Pelita Brunei berpeluang menemubual beberapa penduduk dan rakyat di negara ini.

Ketua Pegawai Eksekutif, Badan Penyelaras dan Promosi Pelancongan Daerah Tutong, Awang Muhammad Amir bin Haji Umarali menjelaskan, penemuan tersebut merupakan satu anugerah rezeki daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada Negara Brunei Darussalam.

Jelasnya, sebagai rakyat kita perlu sentiasa bersyukur dan berterima kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda diatas kepimpinan memerintah dan mentadbir negara sehingga dapat mengekalkan kemakmuran dan kesejahteraan.

Berkat kepimpinan ini katanya, ia telah pun memberikan impak dan kesan yang positif ke arah pembangunan negara dan rakyat serta menjadikan Negara Brunei Darussalam sentiasa beroleh rahmat dan kekayaan yang berterusan, seperti penemuan minyak dan gas di Telaga Layang-layang kawasan Lumut.

Sementara itu, bagi Dayang Fadizlina binti Rahman pula menjelaskan berasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya jua Brunei masih dikurniakan rezeki yang tidak putus-putus, hidup harmoni sejahtera, di bawah pimpinan raja yang kita semua sanjungi.

Ujarnya melahirkan ucapan tahniah kepada pihak-pihak yang berkerja keras untuk memperolehi kejayaan yang dikira sangat membanggakan dan hasilnya dapat disalurkan kepada orang ramai.

Tambahnya, kita wajib mempercayai adanya penemuan minyak tersebut adalah atas kehendak dan kekuasaan Allah.

Namun jelasnya, kita juga harus percaya dan yakin akan rezeki itu milik Allah Ta'ala dan Allah berjanji akan menambah nikmat-Nya bagi hamba-hamba yang bersyukur.

Sesuai dengan konsep Negara Zikir yang kita laungkan, Negara berdaulat menjalankan syariat agama Islam, maka demikianlah nikmat yang Allah kurniakan kepada kita untuk kita lebih bersyukur kepada-Nya.



DAYANG Fadizlina binti Rahman pula menjelaskan berasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya jua Brunei masih dikurniakan rezeki yang tidak putus-putus, hidup harmoni sejahtera, di bawah pimpinan raja yang kita semua sanjungi.




KETUA Pegawai Eksekutif, Badan Penyelaras dan Promosi Pelancongan Daerah Tutong, Awang Muhammad Amir bin Haji Umarali menjelaskan, penemuan tersebut merupakan satu anugerah rezeki daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada Negara Brunei Darussalam.

## Rondaan cegah jenayah di Kampung Puni

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



UNIT Pengawasan Kejiranan Balai Polis Bangar, Daerah Polis Temburong menjalankan rondaan pencegahan jenayah gandingan dengan Pengawasan Kejiranan Kampung Puni.

**TEMBURONG**, Isnin, 17 April. - Unit Pengawasan Kejiranan Balai Polis Bangar, Daerah Polis Temburong menjalankan rondaan pencegahan jenayah gandingan dengan Pengawasan Kejiranan (PK) Kampung Puni pada 15 April lalu yang diketuai oleh Pemangku Pegawai Penguasa Balai Polis Bangar, Daerah Polis Temburong, Inspektor Reynold @ Daniell Chin.

Turut hadir sama dalam operasi tersebut, Penghulu Mukim Bangar, selaku Penasihat PK, Awang Haji Abd. Rahman bin Merusin serta Ketua Kampung Menengah dan Pemangku Ketua Kampung Puni, Mejar (Bersara) Ampuan Husain bin Ampuan Mattahir selaku Pengerusi PK dan Timbalan Pengerusi PK Puni.

Menurut Siaran Akhbar Pasukan Polis Diraja Brunei, rondaan bermula jam 9.00 malam sehingga larut malam dengan tujuan bagi mewujudkan kesepaduan anak-anak buah kampung dalam sama-sama menjaga keselamatan kawasan kejiranan mereka dari sebarang perlakuan jenayah dan untuk menjamin suasana yang aman demi kesejahteraan hidup secara berjiran.

Rondaan secara berjalan kaki dan menggunakan kenderaan digiatkan di kawasan kampung Pengawasan Kejiranan berkenaan.

## Polis Kampong Ayer cadang tingkatkan rondaan

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 17 April. - Balai Polis Kampong Ayer mengadakan Perjumpaan bersama Ketua-ketua Kampung di bawah Jagaan Balai Polis Kampong Ayer bagi Suku Tahun Pertama 2017 di Bilik Syarahan, pada 15 April lalu.

Hadir bagi mempengerusikan perjumpaan tersebut ialah Pegawai Menguasa Balai Polis Kampong Ayer, Inspektor Muhd. Marzuqi Koo bin Abdullah.

Turut hadir Ketua-ketua Kampung semasa perjumpaan tersebut ialah Ketua Kampung Putat, Ketua Kampung Lupak Luas / Tarab Bau, Ketua Kampung Lumapas 'A', Pemangku Ketua Kampung Pudak, Ketua Kampung Menunggol, Ketua Kampung Lurong Dalam, Ketua Kampung Burong Pingai Ayer, Ketua Kampung Pengiran Tajuddin Hitam / Kampung Pengiran Kerma Indera Lama, dan Ketua Kampung Tamoi Tengah / Kampung Tamoi Ujong.

Antara agenda yang dibincangkan ialah penerangan statistik-statistik jenayah / trafik setiap kampung dari bulan Januari hingga Mac 2017, membincangkan cadangan peningkatan rondaan di bawah jagaan Balai Polis Kampong Ayer, strategi pencegahan jenayah di bawah Balai Polis Kampong Ayer dan perkara-perkara berhubung keselamatan kampung di bawah jagaan Balai Polis Kampong Ayer.

Pada sebelah malamnya diadakan Rondaan Pencegahan Jenayah bersama Ahli Pengawasan Kejiranan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Lambak Kiri bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Rondaan pencegahan jenayah dijalankan dengan berjalan kaki di sekitar kawasan tempat letak kereta Stadium Negara dan di sekitar kawasan tempat letak kereta di stadium tertutup.

Rondaan dijalankan adalah bertujuan bagi memastikan tiada kejadian jenayah berlaku di sekitar tersebut.

## Rondaan pencegahan jenayah tingkat kewaspadaan penduduk

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 18 April. - Balai Polis Pusat bersama Pengawas Kejiranan Kampung Bunut Perpindahan semalam menjalankan rondaan pencegahan jenayah.

Hadir mengetuai rondaan itu ialah Penolong Pegawai Menguasa Balai Polis Pusat (Assistant Officer In Charge of Central Police Station), Inspektor Hamdan Bin Mantul, bersama beberapa anggota dari Balai Polis Pusat.

Turut hadir Ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Bunut Perpindahan yang diketuai oleh Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Awg Haji Durahim bin Hassan bersama 15 orang anggota Pengawasan Kejiranan kampung tersebut.

2. Borang Tawaran hendaklah disertakan dengan borang pengakuan penender bersama salinan Sijil Pendaftaran Syarikat, Sijil Perniagaan Bab 16 dan 17 yang masih sah dan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor passport pemilik.
3. Pemohon hendaklah menggunakan borang asal tawaran yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Negara Brunei Darussalam dan hendaklah diisi dengan lengkap dan dicatat dengan harga yang jelas dan betul dengan menggunakan dakwat biru sahaja. Borang tawaran juga hendaklah disertakan dengan katalog (gambar) dan/atau contoh (sampel) jenis barangan yang ditawarkan berserta dengan segala spesifikasinya.
4. Pemohon hendaklah terlebih dahulu membaca, memahami dan meneliti kesemua kandungan dokumen dan spesifikasi tawaran di dalam borang tawaran dan hendaklah mengisikan dengan lengkap dan teratur mengikut syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa ini.
5. Sebarang kesilapan dan kerugian disebabkan salah tafsir harga tidak akan dilayan selepas tawaran telah dibuka dan mana-mana pembetulan dibuat keatas borang tawaran tidak boleh menggunakan pemadam pen putih (*tippex/blanco*) dan hendaklah dicop syarikat serta di initial pada setiap pembetulan yang dibuat.
6. Borang Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi, pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran serta catatan tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan sebarang identiti penender dan ditujukan kepada :-

**PENGERUSI**
**JAWATANKUASA SEBUTHARGA JABATAN PERBENDAHARAAN**
**KEMENTERIAN KEWANGAN**
**TINGKAT 2, TOWER BLOCK,**
**BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN,**
**COMMONWEALTH DRIVE BB3910**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

7. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur dan tidak akan dilayan.

*PERINGATAN – Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran atau kontrak diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garispandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.*

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (*sealed*) ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

**Tajuk Tawaran 1 :**
**Cadangan Reka Bentuk dan Pemasangan Lif**
**di Bangunan Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei**
**Bilangan Tawaran : AME / 2017 - 2018 / SH - 18**

**Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran :**
**Tidak lewat jam 2.00 Petang, 25 April 2017, Selasa.**
**Tarikh tutup tawaran pada :**
**Jam 2.00 Petang, 26 April 2017, Rabu.**

**Kepada :**
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga**
**d/a Tingkat Bawah Bahagian Kewangan**
**Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam**
**Kementerian Perhubungan**
**Bandar Seri Begawan, BB2513**
**Negara Brunei Darussalam.**

Iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman *website : http:/www.civilaviation.gov.bn.*

5. Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki memperolehi dokumen-dokumen dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam dengan **membayar yuran tawaran sebanyak BND10.00 (*hardcopy*) - tidak dikembalikan** bagi setiap tawaran dan pembayaran tawaran diterima pada waktu bekerja seperti berikut :

**Isnin** hingga **Khamis**
**8.30 Pagi** hingga **12.00 Tengah Hari**
**1.45 Petang** hingga **3.30 Petang**
**Sabtu**
**8.30 Pagi** hingga **12.00 Tengah Hari**
**1.45 Petang** hingga **3.30 Petang**

Sesi taklimat tawaran (***briefing***) atau / dan lawatan tapak (***site visit***) bagi tawaran akan diadakan seperti berikut :

**Pada: 19 April 2017 (Rabu)**

**Jam: 8.30 Pagi** hingga **11.30 Pagi**
**atau**
**1.45 Petang** hingga **3.30 Petang**

**Tempat Berkumpul :**
**Dewan Serbaguna Bangunan Pengurusan**
**dan Kejuruteraan Pemeliharaan Aset (AME)**
**Jabatan Penerbangan Awam.**

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**
**Radio Televisyen Brunei**
**Jabatan Perdana Menteri**
**Negara Brunei Darussalam**

**BILANGAN TAWARAN : RTB / 01 / 17**
**SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING**
**OF THE AUTOMATED VIDEO SERVER PLAYOUT SYSTEM**
**IN POC (PLAYOUT CENTER)**
**Bayaran tawaran : BND100.00 (tidak dikembalikan)**
**Tarikh tutup : 6 Jun 2017 (2.00 Petang)**

DOKUMEN-DOKUMEN tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperoleh dari Seksyen Kewangan, Tingkat 2, Bangunan Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan, BS8610, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja biasa dengan bayaran sebanyak **BND100 (tidak dikembalikan).**

Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran bagi **RTB / 01 / 17** ialah pada **Selasa, 23 Mei 2017, jam 3.00 Petang.**

Tarikh tutup tawaran bagi **RTB / 01 / 17** ialah pada **Selasa, 6 Jun 2017, jam 2.00 Petang.**

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan kepada :

**Pengerusi**
**Lembaga Tawaran Kecil**
**Jabatan Perdana Menteri**
**Jalan Menteri Besar**
**Bandar Seri Begawan, BB3913**
**Negara Brunei Darussalam.**

dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Jabatan Perdana Menteri.**

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**1. BIL. SEBUT HARGA : KHEU / JPI / JKS / PPS (C) / 2017 - 2018**
**KETERANGAN :**
**PERKHIDMATAN PEMBUANGAN SAMPAH**
**BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN ZON 'C'**

**(1. SEKOLAH UGAMA PAP AMAL UMMI KALTHUM AL ISLAM, MULAUT**
**2. SEKOLAH UGAMA JERUDONG**
**3. SEKOLAH UGAMA KATIMAHAR**
**4. SEKOLAH UGAMA MASIN**
**5. SEKOLAH UGAMA PANCHOR MURAI)**

**2. BIL. SEBUT HARGA : KHEU / JPI / JKS / PPS (F) / 2017 - 2018**
**KETERANGAN :**
**PERKHIDMATAN PEMBUANGAN SAMPAH**
**BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN ZON 'F'**

**(1. SEKOLAH UGAMA PELAMBAYAN**
**2. SEKOLAH UGAMA SUNGAI BESAR**
**3. SEKOLAH UGAMA BATU MARANG**
**4. SEKOLAH UGAMA PAP AZEEMAH NIKMATUL BOLKIAH, MENTIRI**
**5. SEKOLAH UGAMA PM ABD. AZIM, SERASA)**

**SYARAT-SYARAT, PANDUAN DAN MAKLUMAT :**

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar dan terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan kerajaan tidak akan diterima kecuali mendapat **SURAT KEBENARAN** untuk berniaga dari **JABATAN PERDANA MENTERI.**
3. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17** serta **CAP SYARIKAT** semasa mengambil borang sebut harga.
4. Borang sebut harga bolehlah diperoleh di :

**Bahagian Kewangan**
**Jabatan Pengajian Islam**
**Kementerian Hal Ehwal Ugama**
**Tingkat 4, Blok 2 I, Jalan Ong Sum Ping**
**Bandar Seri Begawan, BA1311**
**Negara Brunei Darussalam.**

5. Tarikh akhir mengambil borang sebut harga adalah pada :
**Selasa, 28 Rejab 1438H / 25 April 2017M, tidak lewat jam 4.00 Petang.**
6. Tarikh tutup menghantar borang sebut harga adalah pada :
**Rabu, 29 Rejab 1438H / 26 April 2017M, tidak lewat jam 2.00 Petang.**

**JABATAN DAERAH TEMBURONG**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**BILANGAN SEBUT HARGA : JDT / S / 06 / 2017**

**SEBUT HARGA PENYEWAAN KANTIN RUMAH**
**PERSINGGAHAN KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG**

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pengusaha-pengusaha yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam untuk menyewa dan menguruskan **Kantin Rumah Persinggahan Kerajaan, Daerah Temburong** dengan syarat-syarat berikut :-

1. Tawaran adalah untuk tempoh dua (2) tahun mulai dari tarikh perjanjian ditandatangani.
2. Borang keterangan dan spesifikasi sebut harga yang lengkap boleh diperoleh di **Bahagian Pentadbiran, Tingkat II, Daerah Temburong** sewaktu Pejabat dibuka atau di **Rumah Persinggahan Kerajaan** pada bila-bila masa.
3. Pemohon-pemohon adalah dinasihatikan supaya mengadakan lawatan dan pemeriksaan ke kantin tersebut untuk melihat sendiri peralatan dan perkakas dapur dan sebagainya yang ada disediakan di kantin itu sebelum menghadapkan tawaran mereka.
4. Tawaran mestilah dimasukkan ke dalam surat yang tertutup rapi *(sealed)* tanpa menunjukkan sebarang pengenalan diri pengirim. Diluar sampul surat tersebut hendaklah ditulis dengan jelas dan terang perkataan **'TAWARAN PENYEWAAN KANTIN RUMAH PERSINGGAHAN KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG'.**
5. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga, Aras bawah, Jabatan Daerah Temburong dan dialamatkan kepada :

**PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUT HARGA**
**JABATAN DAERAH TEMBURONG**
**SEBUT HARGA PENYEWAAN KANTIN RUMAH**
**PERSINGGAHAN KERAJAAN**
**DAERAH TEMBURONG**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

6. Tarikh tutup menghantar sebut harga ialah pada **Sabtu, 6 Mei 2017 jam 1.45 Petang**. Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

# Gagal memfailkan penyata cukai boleh diambil tindakan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Dari muka 1

Perkhidmatan STARS ini menyediakan pemfailan borang penyata cukai pendapatan dan juga pembayaran Cukai Pendapatan Korporat secara *online*.

Adapun objektif bengkel adalah untuk menggalakkan pematuhan, terutamanya memfailkan penyata cukai pendapatan tahunan di kalangan syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat serta meningkatkan pemahaman terhadap peruntukan undang-undang dalam Akta Cukai Pendapatan.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk menyediakan pembayar cukai dengan kemudahan perkhidmatan dalam menjalankan urusan percukaian mereka melalui STARS dengan tujuan untuk menggalakkan pematuhan secara sukarela dan mengurangkan kos pematuhan selain sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan persekitaran perniagaan di Brunei Darussalam.

Maklumat lanjut mengenai STARS boleh diperolehi melalui laman web *https://www.stars.gov.bn* dan *https://www.mof.gov.bn* atau dengan menghubungi talian +673 2383933 / +673 2380651 atau melalui e-mel *revenue@mof.gov.bn*.



TAKLIMAT Bengkel Cukai Pendapatan Korporat disampaikan oleh Pegawai Kewangan Kanan, Dayangku Masleda binti Pengiran Daud kepada peserta daripada beberapa buah syarikat yang berdaftar.

# Lawatan ke ladang perusahaan suntik semangat ibu-ibu tunggal

**MASIN,** Isnin, 17 April. - Ke arah meningkatkan kemahiran dan pengetahuan ibu tunggal ke arah tahap kehidupan yang lebih selesa, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dengan kerjasama Konsultan Afdal Trading pagi tadi membuat lawatan ke ladang milik Haji Zainal bin Haji Safar di Kampung Masin, di sini.

Program lawatan itu juga merupakan kesinambungan kepada Kursus Keusahawanan yang telah dikendalikan selama tiga hari iaitu dari 10 hingga 12 April lalu.

Terdahulu, Haji Zainal bin Haji Safar dalam penerangan ringkasnya mengongsikan mengenai ladang yang dimilikinya dan diusahakan sejak tahun 1995 dan seterusnya membawa seramai 27 peserta melawat ladang perusahaan beliau untuk melihat sendiri perkembangan keusahawanan.

Seramai 16 mentor yang terdiri daripada bekas pegawai kanan kerajaan yang telah bersara dan pengusaha wanita sukarelawan akan membantu pihak YSHHB dalam menyelia dan memantau serta membimbing para peserta kursus sepanjang program itu berlangsung.

Sementara itu, Dayang Rostinah binti Haji Adam ketika ditemui berkata, kursus dan lawatan tersebut banyak membantu beliau untuk berfikiran lebih positif di samping dapat lagi menyuntik semangat beliau untuk terus berusaha ke arah yang lebih baik.

Perkara yang sama turut dipersetujui oleh Dayang Murah binti Dullah.

"Saya pada ketika ini juga turut menjual ikan liking, lukan dan macam-macam lagi atas tempahan orang ramai untuk menampung kehidupan saya dan keluarga seharian. Saya berharap akan dapat mengembangkan lagi perusahaan saya ini ke tahap yang lebih jauh suatu hari nanti," jelasnya.

Selain membantu ibu tunggal yang mempunyai kemahiran dan pengalaman mendapat bantuan kewangan untuk membina atau mengembangkan perniagaan, program ini juga antara lain bertujuan meningkatkan penyertaan ibu tunggal yang tidak bekerja, samaada dalam pekerjaan fleksibel atau sara diri di samping membantu mereka untuk memasarkan produk serta perkhidmatan.

Lawatan juga dihasratkan dapat memberi pendedahan kepada peserta program mengenai sektor-sektor perusahaan yang sedia ada di Negara Brunei Darussalam di samping memperkenalkan mereka kepada sektor perniagaan dan perusahaan selain membuka mata dan minda mereka agar tidak berputus asa untuk terus berusaha.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



PEMILIK Syarikat Haji Zainal bin Haji Safar mengalu-alukan lawatan peserta daripada Program Meningkatkan Keupayaan Ibu Tunggal YSHHB ke ladang beliau yang terletak di Kampung Masin.



DAYANG Rostinah binti Haji Adam.



DAYANG Murah binti Dullah.

# Imbangan Perdagangan Februari 2017 mencatatkan BND376.9 juta

Siaran Akhbar :
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Februari 2017

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 18 April. - Bagi bulan Februari 2017, Imbangan Perdagangan Brunei Darussalam bagi Bulan Februari 2017 adalah sebanyak BND376.9 juta sementara jumlah eksport bernilai BND649.9 juta, manakala import pula bernilai BND273.0 juta.

Eksport Bahan Api Galian mencatatkan sumbangan tertinggi sebanyak 93.8 peratus dari jumlah eksport iaitu yang terdiri daripada Minyak Mentah (BND262.4 juta) dan Gas Cecair Asli (LNG)(BND347.0 juta).

Pasaran eksport terbesar adalah negara Jepun dengan 24.0 peratus dari jumlah eksport, diikuti oleh Republik Korea (16.5 peratus), India (14.5 peratus) dan Malaysia (12.5 peratus).

Pada Februari 2017, import barangan menurun sebanyak 16.2 peratus daripada BND325.8 juta (Januari 2017) kepada BND273.0 juta. Manakala, sumbangan import tertinggi mengikut komoditi adalah Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (39.6 peratus), Barang-Barang Keluaran Kilang (16.4 peratus), Makanan (15.7 peratus), Bahan-Bahan Api Galian (9.5 peratus) dan Pelbagai Barang Keluaran Kilang (7.8) peratus).

Import bagi Barang Perantaraan mencatatkan sebanyak 59.9 peratus dari jumlah import. Ini diikuti oleh import Barang Modal dan Barang Penggunaan masing-masing dengan 31.3 peratus dan 8.8 peratus.

Import terbesar adalah dari negara Amerika Syarikat sebanyak 24.1 peratus dari jumlah import, diikuti oleh Malaysia (19.6 peratus), Singapura (18.4 peratus) dan China (8.6 peratus).

Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa (International Merchandise Trade Statistics, IMTS) bagi Negara Brunei Darussalam menggunakan 'General System' bagi merekodkan perangkaan perdagangan yang meliputi import, eksport domestik dan eksport semula. Laporan penuh IMTS bagi Februari 2017 boleh didapati melalui laman web JPKE di *www.depd.gov.bn*.

# UNISSA terima kunjungan delegasi Xinjiang

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



PEMANGKU Rektor UNISSA bergambar ramai bersama Ketua Pengarah, Pejabat Maklumat Majlis Negara China (Director General level officer, China State Council Information Office), Tuan Huang Junxian (duduk, tengah), peserta delegasi dan pegawai-pegawai kanan UNISSA.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 15 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima penghormatan dengan kunjungan dari Xinjiang Uygur Autonomous Region of China dan Islamic Studies, China State Administration.

Menurut Siaran Akhbar UNISSA, kunjungan berkenaan adalah sebagai kesinambungan perbincangan pihak UNISSA dengan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yang Jian semasa membuat kunjungan hormat pada 16 Mac yang lalu.

Delegasi dari Xinjiang seramai lima orang diketuai oleh Ketua Pengarah, Pejabat Maklumat Majlis Negara China (Director General level officer, China State Council Information Office), Tuan Huang Junxian.

Mereka juga dipersembahkan dengan tontotan Video Korporat UNISSA dan seterusnya mendengarkan taklimat berhubung penubuhan dan pentadbiran UNISSA serta program-program yang ditawarkan di UNISSA yang disampaikan oleh Pemangku Rektor, Dr. Awang Haji Mohd. Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Pihak delegasi seterusnya memberikan maklum balas tentang hasrat pihak Xinjiang untuk bekerjasama dengan UNISSA dalam bidang pendidikan Islam.

Islam telah lama berkembang di Xinjiang dan penduduk Islamnya merupakan peratus yang tertinggi di Republik Rakyat China, dengan jumlah penduduk Islam yang begitu ramai, pihak delegasi akan berusaha untuk mencari peluang dalam menghantar pelajar-pelajar melalui institusi pendidikan Islam di Xinjiang untuk mengikuti program-program yang ditawarkan di UNISSA.

Xinjiang Uyghur, ialah sebuah kawasan autonomi wilayah-peringkat China di barat laut negara tersebut. Ia adalah bahagian pentadbiran China yang terbesar. Xinjiang juga bersempadan dengan Mongolia, Rusia, Kazakhstan, Kyrgyzstan, Tajikistan, Afghanistan, Pakistan dan India.

Perkembangan Islam di Xinjiang juga telah dijelaskan oleh Tuan Dulukun Tuohuti, seorang yang beragama Islam yang menjawat jawatan Timbalan Ketua Pengarah, Suruhanjaya Pembangunan dan Pembaharuan Xinjiang Uygur Wilayah Autonomi (a Deputy Director General of Xinjiang Uygur Autonomous Region's Development and Reform Commission).

UNISSA menyambut baik cadangan pihak delegasi dan akan terus bekerjasama dan memberikan sokongan demi ke arah perpaduan dan persefahaman walaupun dalam bentuk perbezaan dari segi bahasa dan budaya.

# Peserta JENESYS 2016 berlepas ke Jepun



SERAMAI 13 peserta yang terdiri daripada belia-belia yang sudah bekerja, berlepas ke Jepun bagi menyertai Program JENESYS 2016 yang akan berlangsung sehingga 25 April.

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BERAKAS**, Isnin, 17 April. - Seramai 13 peserta yang terdiri daripada belia-belia yang sudah bekerja, berlepas ke Jepun bagi menyertai Program JENESYS 2016 yang akan berlangsung sehingga 25 April ini.

Rombongan tersebut merupakan kumpulan kelapan yang berada di sana dan setakat ini, Kerajaan Jepun telah menjemput seramai 250 peserta dari Negara Brunei Darussalam melalui program berkenaan.

Tema untuk kumpulan kali ini ialah 'Pelancongan Islam', di mana mereka akan dibawa melawat ke wilayah Okayama di Barat Jepun serta mengunjungi beberapa tempat utama seperti Kuil Shinto, Daerah Komersial, Inujima, Kurashiki Bikan Historical Quarter, Taman Hutan Botanical (Forest Botanical Garden) di Kibi, Hiruzen, Istana Okayama dan Taman Korakuen.

Kerajaan Jepun berharap melalui program tersebut golongan belia berkenaan akan dapat memperdalam pemahaman mereka terhadap Jepun dan akan mengeratkan lagi hubungan di antara kedua-dua buah negara.

# Polis Muara bincang pengurangan kadar jenayah

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**MUARA**, Isnin, 17 April. - Dalam sama-sama menjaga keamanan dan keselamatan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) bersama masyarakat menjalankan aktiviti Pengawasan Kejiranan melalui balai-balai di bawah jagaannya.

Sehubungan itu, pada 13 April yang lalu telah diadakan Perjumpaan bersama Ketua-ketua Kampung di bawah jagaan Balai Polis Muara bagi Suku Tahun Pertama 2017 untuk membincangkan penerangan statistik-statistik jenayah dan trafik setiap kampung dari Januari hingga Mac 2017 serta membincangkan aktiviti-aktiviti yang akan dilangsungkan bersama penduduk kampung dalam pencegahan dan pengurangan kadar jenayah bagi kawasan jagaan Balai Polis Muara.

Menurut Siaran Akhbar PDB, hadir bagi mempengerusikan perjumpaan tersebut, Ketua Inspektor Polis, Pegawai Menguasa Balai Polis Muara, Awangku Haji Raziman bin Pengiran Haji Abd. Razak.

Turut hadir Penolong Pegawai Menguasa Balai Polis Muara (Assistant Officer In Charge of Muara Police Station), Inspektor Polis Dayang Nuradiba binti Mohamed; Ketua-ketua Kampung di bawah jagaan Balai Polis Muara, iaitu Ketua Kampung Sabun / Pekan Muara / Pelumpong / Pemangku Ketua Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Serasa, Ketua Kampung RPN Kampung Mentiri 1 / Pemangku Ketua Kampung RPN Kampung Mengkubau, Ketua Kampung RPN Kampung Mentiri 2, Ketua Kampung Mentiri / Pemangku Ketua Kampung Tanah Jambu, Ketua Kampung Sungai Buloh; Ketua Kampung Batu Marang dan Ketua Kampung Kapok / Pemangku Ketua Kampung Meragang.



PERJUMPAAN Bersama Ketua-ketua Kampung di bawah jagaan Balai Polis Muara bagi Suku Tahun Pertama 2017 yang dipengerusikan oleh Ketua Inspektor Polis (Chief Inspector of Police), Awangku Haji Raziman bin Pengiran Haji Abd. Razak, Pegawai Menguasa Balai Polis Muara (Officer In Charge of Muara Police Station).

# UNISSA catat satu lagi sejarah



Siaran Akhbar dan Foto : UNISSA

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 17 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mencatat satu lagi sejarah apabila seorang pendebatnya telah dinobatkan sebagai pendebat terbaik dalam Pertandingan Debat Bahasa Arab Universiti-Universiti Antarabangsa kali ke-4 yang berlangsung di Doha, Qatar baru-baru ini.

Pencapaian UNISSA yang bersejarah tercipta apabila Dayang Gita Afriani Putri telah dinobatkan sebagai Pendebat Terbaik sepanjang pertandingan yang berlangsung pada 7 hingga 12 April 2017 lalu.

Pasukan UNISSA telah diwakili seramai empat pelajar iaitu Awang Mohammad Bahauddin bin Haji Abu Bakar, Awang Jupriadi bin Ramli, Dayang Siti Norafina binti Haji Yusof dan Dayang Gita Afriani Putri serta diiringi oleh Pensyarah UNISSA, Dr. Omari Abdallah Semasaba.

UNISSA pertama kali menyertai pertandingan dwitahunan itu pada tahun 2015 dan tahun ini pula menyaksikan penyertaan daripada 87 buah universiti dari 48 buah negara.

Pertandingan Debat Bahasa Arab Antarabangsa kali ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bagi penutur bahasa Arab sebagai bahasa utama, dan bagi bukan penutur bahasa Arab.

DUTA Besar Negara Brunei Darussalam ke Qatar, Tuan Yang Terutama Haji Nordin bin Haji Ahmad (tiga, kiri) dan Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Omari Abdallah Semasaba bersama para peserta UNISSA yang menyertai Pertandingan Debat Bahasa Arab Univesiti-Universiti Antarabangsa kali ke-4 yang berlangsung di Doha, Qatar.

## BGC anjur kempen derma darah

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Mohd. Said

**JERUDONG,** Selasa, 18 April. - Brunei Gas Carriers (BGC) Sdn. Bhd. hari ini mengadakan kempen derma darah di Bangunan Ibu Pejabatnya, di sini sebagai salah satu acara komuniti ramai serta sebagai sebahagian daripada inisiatif Pelaburan Sosial dan Program Gaya Hidup Sihat syarikat (HLP).

Kempen seumpama ini merupakan anjuran kali kelima BGC untuk menderma darah kepada Pusat Pendermaan Darah Brunei Darussalam. Selain itu, BGC turut menjemput beberapa pihak berkepentingan di seluruh organisasi sekitar berhampiran BGC Sdn. Bhd.

Selain komited untuk membantu pembangunan sosial masyarakat, kempen seumpamanya juga antara lain bertujuan untuk mewujudkan kesedaran tentang keperluan untuk mendapatkan 'safe blood' bagi tujuan untuk pemindahan dan pendermaan darah.

Acara ini dianggap amalan yang baik yang akan diadakan setiap tahun kerana ia dapat memupuk tanggungjawab di kalangan individu terutama dalam pemikiran membantu pesakit yang memerlukan jenis darah tertentu dengan segera.



SUASANA warga BGC yang sama-sama memberi sokongan terhadap usaha Pusat Pendermaan Darah Hospital RIPAS.

## Kumpulan Mukun Selendang Sutera juara Pertandingan Mukun Se-Borneo




KUMPULAN Mukun Selendang Sutera dari Negara Brunei Darussalam juara Pertandingan Mukun Se-Borneo Musim Ke-4 2017.

Berita dan Foto : Ihsan Faridah Haji Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 17 April. - Kumpulan Mukun Selendang Sutera dari Negara Brunei Darussalam berjaya merangkul juara Pertandingan Mukun Se-Borneo Musim ke-4 bagi Tahun 2017 dalam Kategori 'A' berlangsung di Dewan Bola Keranjang Pekan Bekenu Sibuti, Miri baru-baru ini.

Peserta negara yang terdiri daripada Awang Irwan Rino bin Nordin dan Wan Zuraimi bin Julaihi membawa pulang wang tunai RM1,000 sekali gus mengenepikan penyertaan Limbang di tempat kedua dan Mukah di tempat ketiga.

Sementara itu, wakil negara bagi Kategori 'C' pula hanya mampu menduduki tangga kedua setelah berselisih markah dengan peserta dari tuan rumah (Miri).

Pertandingan dua hari bermula 14 April itu mempertandingkan sebanyak tiga kategori iaitu Kategori 'A' Terbuka Lelaki Dewasa, Katogeri 'B' Terbuka Wanita Dewasa dan Kategori 'C' Remaja 18 tahun Ke Bawah Terbuka.

Sebanyak 33 buah kumpulan menyertai pertandingan anjuran Jabatan Penyiar RTM Miri FM, antaranya dari Miri, Bekenu, Limbang, Bintulu, Mukah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Kumpulan Jemputan Dari Negara Brunei Darussalam.

Hadir bagi menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Menteri Muda Solidariti Negeri Sarawak, Yang Berhormat Puan Rosey binti Haji Yunus. Turut hadir ialah Ahli Parlimen Sibuti, Haji Ahmad Lai bin Bujang.

Projek Anjuran Jabatan Penyiar RTM Miri FM ini bertujuan untuk menghidupkan budaya Bermukun dalam kalangan masyarakat setempat sebagai usaha supaya tidak pupus dan menarik perhatian ramai untuk melihat lebih dekat lagi aksi-aksi peserta dari luar Pekan Bekenu.

Menurut Awang Irwan ketika ditemui menyatakan bahawa penyertaannya itu adalah kali keempat sejak ia mula diadakan pada tahun 2012.

Katanya, beberapa persiapan dan persediaan telah dibuat antaranya latihan tari, vokal suara dan stamina di samping melatih dalam mencipta pantun dari segi bahasa dan susunan ayat yang baik dalam bermukun.

Kumpulannya tambahnya lagi, akan terus menyertai Pertandingan bagi acara Karnival Sarawakiana 2017 dalam sedikit masa lagi pada awal bulan Mei depan.

# Lebih 80 peratus lulus SSSRU bagi Daerah Temburong

**Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain**

**TEMBURONG,** Selasa, 18 April. - Seramai 105 orang murid Darjah 6 menerima sijil lulus mereka di Majlis Penyampaian Sijil Peperiksaan Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) bagi Darjah 6 Tahun 2015 bagi Sekolah-Sekolah Ugama Daerah Temburong yang diadakan di Dewan Sekolah Arab, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis ini ialah Ketua Unit Akademik dan Peperiksaan, Bahagian Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Awang Haji Sufri bin Amit.

Semasa berucap, tetamu kehormat menjelaskan bahawa rakyat di Negara Brunei Darussalam amat beruntung kerana diberikan pembelajaran secara percuma oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berbanding negara-negara lain di mana mereka perlu mengeluarkan perbelanjaan sendiri bagi menanggung kos pembelajaran anak-anak. Justeru itu tambahnya, para pelajar haruslah merebut segala peluang yang telah diberikan oleh kerajaan dengan belajar bersungguh-sungguh hingga ke peringkat yang paling tinggi kerana pendidikan akan menjamin kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

Tetamu kehormat, kemudian menyempurnakan penyampaian Sijil-Sijil SSSRU bagi Darjah 6 Tahun 2015 kepada seramai 62 murid lelaki dan 43 murid perempuan, termasuk 4 orang murid berkeperluan khas dan kepada 2 orang murid yang berjaya lulus cemerlang.

Sekolah-Sekolah Ugama Daerah Temburong berjaya mencapai 87.07 peratus lulus keseluruhan dalam Peperiksaan SSSRU bagi Darjah 6 bagi Tahun 2015 dan sebanyak 6 daripada 10 buah sekolah ugama berjaya mendapat 100 peratus lulus.

Juga hadir, Pegawai-Pegawai Pejabat Pengajian Islam Daerah Temburong, Guru-Guru Besar Sekolah-Sekolah Ugama dan Arab Daerah Temburong serta Ahli-ahli Badan Kebajikan Guru-Guru Ugama Daerah Temburong.

Majlis yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-Sekolah Ugama Daerah Temburong ini diadakan sebagai tanda penghargaan untuk mengiktiraf pencapaian pelajar yang telah berjaya menamatkan pelajaran Darjah 6 sekolah ugama bagi tahun 2015.



**KETUA Unit Akademik dan Peperiksaan, Bahagian Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Awang Haji Sufri bin Amit selaku tetamu kehormat semasa menyempurnakan penyampaian Sijil SSSRU Darjah 6 bagi Tahun 2015 kepada salah seorang murid lelaki (kanan). Sementara gambar bawah, sebahagian daripada 43 murid perempuan yang menerima sijil mereka yang lulusPeperiksaan SSSRU Darjah 6 bagi Tahun 2015.**



## Kejayaan harga pengeluaran sekuriti Sukuk Al-Ijarah

**Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 18 April. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) selaku ejen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menguruskan dan mentadbir pengeluaran Sukuk Al-Ijarah sukacita mengumumkan kejayaan harga pengeluaran sekuriti Sukuk Al-Ijarah jangka pendek kali Ke-144.

Tarikh pengeluaran adalah pada 13 April 2017, sementara tarikh matang ialah pada 12 April 2017 manakala tenor selama 364 hari dan kadar sewa sebanyak 0.8750 peratus.

Dengan pengeluaran berkenaan, Kerajaan Brunei setakat ini telah mengeluarkan lebih BND10.7782 bilion nilai sekuriti Sukuk Al-Ijarah jangka pendek, sejak tawaran pertama pada 6 April 2006, dan jumlah tertunggak pemegang Sukuk Kerajaan Brunei sehingga 13 April 2017 berjumlah BND 293.2 juta.

## Bengkel dan Forum Keselamatan Dalam Pembinaan 29 April depan

**Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 18 April. - Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui Bahagian Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE), Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, buat julung kalinya akan mengadakan Bengkel dan Forum Keselamatan Dalam Pembinaan selama sehari pada hari Sabtu, 29 April ini nanti.

Bengkel yang akan berlangsung di Ibu Pejabat JKR itu merupakan usaha berterusannya bagi memupuk dan meningkatkan tahap kesedaran dan pelaksanaan aspek keselamatan dan kesihatan terutama di sektor pembinaan.

Forum anjuran secara kolaborasi JKR dan Kathis Management Services, sebagai Pengurus Majlis (Event Manager) dengan sokongan Kementerian Pembangunan dan Jabatan Tenaga dan Industri di Jabatan Perdana Menteri, diselajurkan bersempena Hari Keselamatan Sedunia 2017 (World Safety Day 2017) yang disambut pada setiap 28 April.

Objektif Bengkel dan Forum Keselamatan Dalam Pembinaan sempena Hari Keselamatan Sedunia adalah sebagai salah satu inisiatif JKR dalam mempromosi dan memberi kesedaran mengenai kepentingan Kesihatan dan Keselamatan dalam Pembinaan serta bagi merapatkan rangkaian hubungan kerjasama (networking) dengan pihak swasta di dalam Sektor Industri Pembinaan agar dapat mereka memahami konsep mengenai Keselamatan Tanggungjawab Semua (Safety is Everybody's Responsibilities).

Selain itu, forum ini juga adalah bagi menyemai sifat dan Budaya Keselamatan (Safety Culture) di kalangan kontraktor dan pihak yang berkepentingan.

Menurut statistik kemalangan yang dikumpul oleh jabatan itu, industri pembinaan adalah industri yang banyak menyumbang kepada kemalangan dan kematian terutama dalam projek yang dikendalikan oleh pihak swasta.

Pada forum itu nanti, JKR akan memberi penekanan mengenai kepentingan Pelan HSE Projek (Project HSE Plan) yang mana perlu disediakan oleh setiap kontraktor bagi setiap projek yang mereka laksanakan.

Penerangan mengenai garis pandu dan keperluan penyediaan Pelan HSE Projek akan diberikan oleh pakar keselamatan dari JKR yang mana penyelia-penyelia projek dari pihak kontraktor akan berpeluang untuk membahaskan dan membincangkan keperluan ini semasa forum berkenaan bersama pakar keselamatan lain yang diundang khas.

Disasarkan seramai 150 peserta akan menghadiri forum ini yang terdiri daripada pemilik-pemilik syarikat, penyelia dan pegawai keselamatan dari pihak kontraktor serta pegawai fokal HSE.

Sementara, panel yang dijemput bagi forum ini adalah terdiri daripada pakar-pakar dari Jabatan Kerja Raya dan China State Construction Engineering Corporation Ltd. serta Awang Abdul Rahman Sirat dari Persatuan Peniaga-Peniaga Melayu Brunei yang juga akan menyampaikan bengkel mengenai Penilaian Risiko, Aktiviti Berisiko Tinggi dalam Pembinaan, Perancangan dan Tindakan dalam Kecemasan, Penyiasatan kemalangan dan Pemantauan serta Audit dan Penilaian.

Usaha berterusan JKR dihasrat bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja di tapak binaan adalah terjamin, kerjasama berterusan dan penglibatan sektor swasta adalah langkah yang berkesan dan terbaik bagi menuju Wawasan Brunei 2035 iaitu dengan memastikan pemeliharaan alam sekitar yang teratur dan menyediakan kesihatan dan keselamatan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa.

Bagi mereka yang ingin mengikuti Bengkel dan Forum Keselamatan dalam Pembinaan ini bolehlah menghubungi Jabatan Kerja Raya atau Pengurus Majlis (Event Manager) melalui talian +673 8397929.

# 20 peserta sertai Kursus Pengurusan Asas Kecederaan

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 April. - Seramai 20 peserta menyertai kursus sehari Pengurusan Asas Kecederaan Field Side yang dianjurkan oleh Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sukan, di sini.

Kebanyakan daripada peserta terlibat dalam Liga Remaja Bawah 16 Tahun NFABD sebagai jurulatih dan medik dan kini didedahkan dengan cara-cara memberi pertolongan cemas serta mentadbir CPR asas (bantuan pernafasan) dalam kes kecemasan di padang.

Menurut Siaran Akhbar NFABD, kursus berkenaan dikendalikan oleh Presiden Persekutuan Perubatan Sukan Asia, Dr. Danish Zaheer dan Doktor Sukan Sains di SMRC, Dr. Essam Muhammad Shabaan.

"Kami mengajar mereka asas-asas membantu memulihkan mangsa yang pengsan sehingga bantuan perubatan tiba," ujar Presiden Persekutuan Perubatan Sukan Asia.

Dr. Danish seterusnya menambah bahawa pengetahuan CPR perlu menjadi wajib untuk semua orang, menurutnya, jika seseorang itu ditadbir CPR dalam tempoh 10 minit pertama selepas pengsan, dia mempunyai peluang 90 peratus hidup.

Kursus tersebut bermula dengan taklimat 'Pengurusan Kecederaan Field Side' dan cara mengguna buku log Rekod Kejadian Kecederaan.

Satu kuliah, persembahan video dan praktikal telah diadakan untuk CPR asas, manakala pada sesi petang memberi tumpuan pada pertolongan kecemasan.

Dalam ucapannya, Setiausaha Agung NFABD, Awang Haji Abd. Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah yang juga tetamu kehormat tersebut melahirkan ucapan tahniah pada jawatankuasa penganjur kerana menganjurkan kursus berkenaan dan berharap para peserta akan meningkatkan pengetahuan mereka dalam bidang ini jika mempunyai peluang.





**SETIAUSAHA Agung NFABD, Awang Haji Abd. Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah menyampaikan cenderamata kepada dua peserta Kursus Pengurusan Asas Kecederaan Field Side yang dianjurkan oleh Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) (atas kanan dan kanan).**

# Taekwondo sukan penuh cabaran



**ANTARA peserta yang menyertai sukan taekwondo di Pusat ZerOnEight Mixed Martial Art Academy.**

Oleh : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi
Foto : Ihsan dari ZerOnEight Mixed Martial Art Academy

**BERAKAS**, Isnin, 17 April. - Taekwondo (Tae Kwon Do) merupakan satu sukan yang terkenal dan berasal dari Republik Korea yang mempunyai keunikan yang tersendiri dalam cabang seni mempertahankan diri.

Sukan itu juga menggabungkan beberapa elemen persembahan yang juga meliputi seni bela diri dan pengamal sukan ini turut mengamalkan kekuatan fizikal dan kepantasan mata bagi membuat pegerakan.

Taekwondo merupakan antara sukan seni bela diri yang turut dipertandingkan pada kejohanan serantau dan antarabangsa seperti Sukan SEA dan Sukan Asia.

Kini sukan berkenaan mendapat tempat di hati anak-anak muda serta para ibu bapa dan penjaga yang turut menghantar anak-anak mereka bagi mengikuti sukan yang dikategorikan sebagai sukan menguji ketahanan fizikal dan mental.

Antara ibu bapa yang ditemui mengongsikan pandangan mengenai sukan tersebut yang menurut mereka boleh membentuk disiplin diri, di samping mempelajari seni mempertahankan diri.

Menurut sepasang suami isteri, Awang Mohd. Azari bin Haji Panjang dan Dayang Zuraiedah binti Haji Mohd. Salleh yang menghantar anak-anak mereka mempelajari taekwondo, adalah turut berharap anak-anak mereka akan memperoleh kecergasan fizikal dan mental serta dengan penyertaan ini membolehkan mereka bersosialisasi dengan kanak-kanak yang lain di luar persekitaran sekolah.

Awang Mohd. Irfan Danieal bin Mohd Azari, 11, dan Dayang Ariefa Damia binti Mohd Azari, 8, mula menyertai taekwondo di Pusat ZerOnEight Mixed Martial Art Academy yang terletak di Berakas sejak September 2015 yang lalu.

Di pusat bimbingan tersebut turut menyediakan pelbagai bimbingan mengikut peringkat usia seawal di bawah 5 tahun yang dibimbing oleh seramai lapan pembimbing terlatih.

Menurut pengurus pusat berkenaan, Awang Haji Ismadey bin Haji Hussin menjelaskan, antara bimbingan yang ditawarkan selain taekwondo ialah Kick Boxing, Karate, Aikido, Mixed Martial Arts dan Boxing yang dijalankan pada setiap hari selama di antara 60 minit hingga 90 minit setiap sesi mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Beliau menambah, ramai para ibu bapa turut menghantar anak-anak mereka ke pusat latihan yang beliau kendalikan yang telah mula bertapak sejak 2013 dan besyukur telah melatih seramai lebih 200 ahli yang aktif.

Aktiviti kesukanan seperti ini katanya, sangat baik bagi membina jati diri dan keyakinan sekali gus menyahut seruan kerajaan untuk bergerak aktif ke arah warganegara yang sihat dan menghindarkan dari penyakit-penyakit yang tidak berjangkit seperti kegemukan atau obesiti dalam kalangan warganegara dan penduduk di negara ini khususnya kanak-kanak dan belia ujar beliau yang juga merupakan atlet negara dalam sukan taekwondo pada Kejohanan Sukan Asia dan Sukan SEA yang lalu.


ePaper
Pelita Brunei

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JADIKAN AKTIVITI BERSUKAN SEBAGAI GAYA HIDUP AKTIF, CERGAS DAN SIHAT

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجان، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.